



KELUARAN  
ANGKATAN  
NAHDHATUL  
ISLAM  
BERSATU  
(BINA)

# الهدا AL-HUDA

NOMBOR

10

SIRI PENGAJIAN DAN MEDIA SILATURRAHIM





## PENGURUSAN

Penasihat:  
USTAZ HAJI FATHI HAJI DUET  
Pengarah:  
TUAN HAJI MOKHSEN IBRAHIM  
Timbalan Pengarah/Ketua Unit Penerbitan:  
HASAN HAJI HAMZAH  
Ketua Unit Pengedaran:  
IDRIS BOHARI  
Ahli Unit Pengedaran:  
USMAN HJ. AFANDI  
Rekabentuk:  
BUJANG JENAI

## ANGGOTA PENGARANG

Ketua Pengarang:  
USTAZ HAJI MORTADZA HAJI DAUD  
Penolong Ketua Pengarang:  
USTAZ HAJI HASSANOEDDIN ABU BAKAR  
Sidang Pengarang:  
— USTAZ HAJI BAHRUDDIN MANSUR  
— USTAZ SYED MUHAMAD ALWI AL-ATTAS  
— DR. WAN ALI TUANKU MADHI  
— USTAZAH ROHANI BINTI AWI  
— USTAZ HAJI ALI FATHULLAH HARUN

## KANDUNGAN

AQIDAH: Penghayatan dan Pengamalannya (sambungan)	1
NILAI IBADAH: Salat dalam Islam	13
Kepimpinan Dalam Islam	21
Akhlik Nabi Muhammad s.a.w.	30
CATITAN SEJARAH ISLAM: Daya Tahan Iman yang Tiada Tara Bandingannya	36
RUANGAN MUSLIMAH: Risalah Wanita Muslimah	38
Bila lagi hendak memakai pakaian yang menutup "AURAT"	41
Mimbar Hadist	45
Mutiara Hikmat	47
RUANGAN TAHUKAH ANDA: Anda sebagai Ahli	48
Orang-orang Kristian dan Yahudi memanfaatkan kekayaan orang-orang Islam untuk menentang Islam	49
RUANG KESIHATAN: Penyakit TIBI	51
RUANG SAJAK: Rintihan kepada Junjungan	55

## PENGUMUMAN

Tuan-Tuan dan Puan-Puan,  
Muslimin dan Muslimat sekalian;

Dimaklumkan dengan segala hormatnya bahawa  
pihak pengurusan penerbitan Risalah AL-HUDA mengalu-alukan sumbangan derma  
seikhlas hati bagi membaiayai penerbitan  
seterusnya risalah ini.

Tiap-tiap derma akan dikeluarkan resit resmi  
yang boleh dikecualikan daripada cukai  
pendapatan.

Segala sumbangan boleh dialamatkan  
seperti berikut:-

Kepada:  
Pengarah,  
Penerbitan Al-Huda,  
Ibu Pejabat BINA,  
Jalan Tun Datuk Patinggi  
Haji Abdul Rahman Ya'kub,  
Petra Jaya,  
93050 Kuching, Sarawak.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.  
Pengarah

## AQIDAH

### Penghayatan dan Pengamalannya

Oleh: HAJI AGUS HAKIM

#### IMAN DENGAN MALAIKAT-MALAIKAT ALLAH

Iman kepada Malaikat-Malaikat Allah, termasuk Iman kepada yang ghaib, seperti yang disebutkan Allah dalam Al-Quran Surat Al-baqarah ayat 3,

الذين يؤمنون بالغيب ويقيعون  
الصلة ومسعا رزقنا هم ينفقون

"Orang-orang yang taqwa itu ialah; orang-orang yang beriman dengan ghaib, dan mereka menegakkan sembahyang, dan daripada rezki yang kami berikan mereka nafkahkan."

Iman kepada yang ghaib, ya'ni mempercayai sesuatu yang pasti adanya, tetapi dia tidak kelihatan, diantaranya: Malaikat, Jin, Roh ataupun Nyawa. Demikian pun sesuatu yang belum kita lihat pasti akan kita alami dan kita saksikan, seperti soal dalam kubur (alam barzakh), hari akhirat dan sebagainya.

Khusus berkenaan dengan

Malaikat, baik dalam Al-Quran ataupun dalam Sabda Rasulullah s.a.w. sudah ditegaskan, bahawa Iman dengan Malaikat termasuk diantara rukun Iman yang enam.

Dalam hadis Rasulullah disebutkan, bahawa Malaikat dijadikan Allah daripada cahaya (nur), sebagaimana Jin (Iblis) dijadikan daripada api, dan manusia pertama diciptakan daripada tanah.

Malaikat suatu makhluk Allah yang mulia, mereka tidak mempunyai nafsu-syahwat seperti manusia dan jin, tidak makan dan tidak minum, tidak ada jantan dan betina, tidak berkahwin dan tidak berturunan; kerja mereka menjalankan semua perintah yang dititahkan Allah kepada mereka; mereka tidak pernah menyangkal apa yang ditatahkan, Allah bahkan semuanya mereka jalankan dengan taat dan patuh.

Diantara Malaikat yang disebutkan nama mereka dalam Al-Quran dan hadis Nabi dan wajib kita imani!

1. Jibril — yang menyampaikan wahyu kepada Nabi-Nabi dan Rasul.
2. Mikail — yang menurunkan hujan dan panas.
3. Israfil — peniup sangkala pada hari kemudian.
4. 'Izrail — yang bertugas mencabut nyawa segala makhluk.
5. Malik — yang bertugas menjaga neraka.
6. Ridhwan — yang bertugas menjaga syurga.
7. Raqib & 'Atid — iaitu dua malaikat yang selalu mendampingi manusia, mencatatkan semua perkataan dan semua amal perbuatan manusia ucapan dan perbuatan yang baik-baik akan dicatatkan oleh Raqib dan ucapan serta perbuatan yang buruk-buruk dan dicatatkan oleh 'Atid.
9. Munkar & Nakir — menanya orang dalam kubur.

## **PERBEDAAN JIN DENGAN MALAIKAT**

Diatas telah diterangkan, bahawa Malaikat diciptakan Allah daripada cahaya, Malaikat tidak ada jenis laki-laki dan tidak ada jenis perempuan, mereka tidak mempunyai nafsu syahwat, mereka selalu taat melaksanakan perintah Allah, tidak pernah menolak atau membantah apapun juga yang ditugaskan Allah kepada mereka.

Adapun jin, juga termasuk

makhluk ghaib, mereka dijadikan Allah daripada api, mereka ada laki-laki dan perempuan, mereka berturunan beranak-pinak, mereka mempunyai nafsu dan syahwat, makan dan minum.

Jin-jin yang jahat dan kafir dan mendurhaka kepada Allah itulah yang dinamai Iblis dan Syaitan. Jin yang patuh mengikuti ajaran Allah yang dibawa Nabi, mereka disebut Jin, tidak disebut Iblis atau Syaitan.

Iblis dan syaitan selalu berusaha membawa manusia kepada kejahanatan, kerugian dan kesengsaran dunia akhirat.

Dalam Al-Quran Allah memperingkatkan kepada kita:-

ان الشيطان لكم عدو و مبين

“Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh yang nyata bagi kamu.”

Oleh kerana sudah nyata syaitan itu musuh yang jahat, yang selalu berusaha untuk merugikan dan mencelakakan manusia, maka dia tidak boleh diambil menjadi kawan, tidak boleh dituruti kehendaknya, tetapi mestilah ditentang dan dimusuhi, seperti dalam firman Allah:-

ان الشيطان لكم عدو  
فَاتَخْذُوه عَدُو وَ مَبِين

“Sesungguhnya syaitan itu adalah musuh bagi kamu, maka ambil dia menjadi musuh (hadapilah dia sebagai musuh).

(Fathir: 6)

## IMAN DENGAN KITAB. KITAB ALLAH

### Apakah erti KITAB?

Kitab mempunyai dua erti:-

1. Perintah.
2. Tulisan di atas kertas yang biasanya dijadikan buku.

Bagi kitab Suci, erti yang pertama lah yang dipakai. Untuk kesentosaan dan kebahagiaan manusia, Allah menurunkan Kitab-Kitabnya kepada Rasul-Rasulnya, dengan wahyu yang disampaikan kepada mereka dengan perantaraan Malaikat, guna disampaikan kepada ummat mereka masing-masing.

Percaya kepada kitab yang diturunkan Allah itu, adalah salah dasar Iman yang utama dalam Islam.

Pada awal surat Al-Baqarah, surat kedua sesudah Al-Fatiyah termaktub dalam Mashaf Al-Quran, telah disebutkan seseorang menjadi Muttaqin, ya'ni orang yang menuruti jalan keselamatan dunia akhirat, yang mestilah menjadi sifat jiwa dan peribadi seorang Muslim. Firman Allah:-

ذ لك الكتاب لا ريب فيه هدى  
للمتقين الذين يؤمنون  
بالغيب ويقيمون الصلاة  
ومما رزقناهم ينفقون  
والذين يؤمنون بما أنزل أليكم  
وما أنزل من قبلكم وبالآخرة

"Itulah Kitab (Al-Quran), tidak ada keraguan didalamnya, Menjadi Petunjuk bagi orang-orang yang Muttaqin (orang yang mencari keselamatan dunia akhirat); iaitu orang-orang yang percaya kepada yang ghaib; dan mendirikan sembahyang, dan dari apa yang kami rezekikan kepada mereka, mereka nafkahkan, dan orang-orang yang percaya dengan apa-apa yang kami turunkan kepada engkau, dan apa-apa yang kami turunkan sebelum engkau, dan dengan hari akhirat mereka yakin."

Dalam ayat itu telah dijelaskan oleh Allah, bahawa gunanya Kitab Suci Al-Quran ini ialah untuk Hudan, ya'ni Petunjuk, panduan hidup, pembimbing dalam perjalanan hidup.

Ayat ini seolah-olah jawaban daripada doa kita manusia, yang selalu kita baca dalam surat Al-Fatiyah:-

اهدنا المراد بالمستقيم،

"Tunjukilah kami jalan yang lurus."

Jalan yang lurus, ya'ni jalan yang benar, yang menyampaikan orang kepada kebahagiaan dunia akhirat.

Maka panduan untuk menempuh jalan yang lurus itu, itulah kitab suci Al-Quran.

Dalam Al-Quran Allah menunjukkan berbagai peraturan dan perundangan-perundangan, untuk kese-

jahteraan hidup manusia, baik sebagai perseorangannya ataupun bagi masyarakatnya.

Ada dua nikmat Allah yang amat besar kepada manusia untuk penuntun dan pembimbing dalam hidupnya, pertama AKAL, kedua AGAMA ya'ni semua ajaran yang tersimpul dalam Kitab Suci (Al-Quran).

Memang akal dan fikiran, dapat membimbing seseorang kepada berbagai hal untuk kesejahteraan dan kejayaan hidupnya, akan tetapi dengan semata-mata akal saja, belumlah dapat dijamin kita akan beroleh kesejahteraan dunia akhirat, kerana akal baru dapat menimbang dan mencari, belum merupakan undang dan peraturan. Pertimbangan akal manusia dalam menghadapi sesuatu seringkali berbeda, maka ketentuan-ketentuan yang mutlak dalam sesuatu, Tuhan perlu memberikan bimbingan dan tunutan, yang berupa Kitab Suci.

## KITAB-KITAB SUCI YANG DIIMANI

Didalam Al-Quran dan dalam Hadith Rasulullah disebutkan, bahawa ada 4 Kitab Suci yang kita disuruh mempercayainya:-

1. Kitab Suci Al-Quran, yang diturunkan Allah kepada junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.
2. Kitab Taurat yang diturunkan Allah kepada Nabi Musa a.s.
3. Zabur, yang diturunkan Allah Nabi Daud a.s.

4. Injil, yang diturunkan Allah kepada Nabi 'Isa a.s.

Akan tetapi ketiga Kitab yang tersebut kemudian itu, Taurat, Zabur dan Injil yang asli, tidak dapat dijumpai lagi pada masa sekarang.

Menurut sejarah, Kitab Taurat musnah ketika tentera kerajaan Babilon dibawa raja mereka Nebukadnesar (Bakhtunasar) menghancurkan Palestina dan Baitulmakdis kira-kira tahun 656 sebelum Masihi.

Bangsa Yahudi penduduk Palestina dibunuh berpuluhan ribu daripada mereka ditawan dibuang ke Babilon selama 70 tahun, mereka disana diperlakukan sebagai hamba sahaya.

Ketika mereka dikembalikan ke Palestina oleh Maharaja Parsi, seorang Imam bangsa Yahudi, Ezra (Uzair) disuruh oleh kaisar Parsi untuk menyusunkan Kitab Taurat mereka kembali.

Dituliskanlah oleh Ezra sekadar yang teringat olehnya, kerana kitab asli tempat menyalin tak ada lagi, Taurat asli tertulis diatas batu.

Injil pun demikian pula, tidak dapat ditemui lagi yang asli walaupun dimana, yang didapati sekarang ini, hanya Injil karangan beberapa orang terkemuka dalam Agama Nasrani, Kalau dilihat Injil (Bybel) sekarang, terdiri daripada 4 Injil masing-masingnya disebutkan dengan jelas:

1. Injil karangan Matius (Mathius).
2. Injil karangan Lukas (Luke).

3. Injil karangan Markus (Mark).
4. Injil karangan Yahya (John).

Demikian pun Zabur yang asli, sudah sama lenyap dengan Kitab Taurat.

Akan tetapi semua pengajaran yang penting dalam kitab Nabi-nabi yang lalu itu, telah disebutkan Allah dalam Al-Quran.

Umpamanya wasiat sepuluh, yang selalu dibanggakan oleh orang Yahudi dan Nasrani, sebagai ajaran penting yang dibawa Musa, kita temui lebih jelas dalam Al-Quran surat Al-An'am ayat 50-51, dalam surat Al-Isra' ayat 23 sampai 38, lebih lengkap dan lebih jelas daripada yang tersebut daripada yang dicatatkan dalam Bybel sekarang. Kerana ini Al-Quran jelas asli Wahyu daripada Allah.

## **BAGAIMANA IMAN DENGAN KITAB**

Telah kita fahami bahawa kitab suci itu diturunkan Allah gunanya untuk tuntunan, petunjuk, panduan dan bimbingan kepada kita semua hambanya, supaya Al-Quran itu dapat dipakai menjadi pedoman dan panduan hidup, kita wajib mempelajari dan mengetahui apa isinya.

Keimanan ummat kita sekarang kepada Al-Quran, baru sampai menyakini, bahawa membaca Al-Quran itu beroleh pahala, satu huruf sekian pahalanya, Quran itu bertuah dan sakti, dikutip ayat-ayat tertentu dijadikan azimat, atau dibeli Nashaf Quran kecil,

disimpan dalam poket, dengan keyakinan itu dapat menolak bala.

Adakah dengan cara demikian, kita sudah dapat menggunakan isi Quran menjadi panduan hidup?

Yang paling ramai usaha kita sekarang, baru sekadar memperhalus bacaan Al-Quran belum sampai kepada tangga yang kedua, iaitu mengetahui isinya.

Ada empat perkara bagi kita ummat Islam, dalam menjunjung tinggi kitab suci Al-Quran:

1. Mempelajari bacaannya.
2. Mempelajari dan mengetahui isinya.
3. Mentadabburkan, meresapkan, merenungkan, memikirkan maksudnya.
4. Mengamalkan ajarannya, menghalalkan apa yang dihalalkannya, mengharamkan apa yang diharamkannya, turut apa perintah yang tersebut didalam, tinggalkan apa yang dilarangkannya.

Dengan cara demikianlah Allah akan memberikan keberkahan kepada kita dalam mengimani Al-Quran.

## **IMAN DENGAN NABI-NABI DAN RASUL-RASUL ALLAH**

Sebagaimana yang telah kita sebutkan, bahawa Rahmat Allah yang amat besar untuk seluruh manusia, ialah Agama, petunjuk dan peraturan hidup untuk kesejahteraan dan keselamatan manusia hidup di dunia,

dan kebahagiaan akhirat.

Untuk menyampaikan Agama dan tuntunan itu kepada manusia Allah mengutus Nabi-Nabi dan Rasul, yang dipilih dan ditentukanNya dari antara hambaNya.

Mulai dari zaman pertama manusia ditempatkan dibumi ini, Allah telah banyak mengutus dan mengirim Nabi-Nabi dan Rasul ketengah masyarakat manusia, nabi yang pertama ialah Nabi Adam a.s. nenek moyang sekalian manusia, sampai kepada Nabi yang terakhir iaitu junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w.

Nabi-nabi dan Rasul-Rasul Allah yang perlu kita ketahui, yang tersebut nama mereka dalam Al-Quran ada 25 orang, iaitu:-

1. Adam alaihissalam.
2. Idris alaihissalam.
3. Nuh alaihissalam.
4. Ibrahim alaihissalam.
5. Hud alaihissalam.
6. Shalih alaihissalam.
7. Luth alaihissalam.
8. Ismail alaihissalam.
9. Ishak alaihissalam.
10. Yakub alaihissalam.
11. Yusuf alaihissalam.
12. Sya'ib alaihissalam.
13. Ayyub alaihissalam
14. Dzulkifli alaihissalam.
15. Harun alaihissalam.
16. Musa alaihissalam.
17. Daud alaihissalam.
18. Sulaiman alaihissalam.
19. Ilyas alaihissalam.

20. Ilyasa alaihissalam.
21. Yunus alaihissalam.
22. Zakaria alaihissalam.
23. Yahya alaihissalam.
24. Isa Al Masih alaihissalam.
25. Muhammad Sallallahu'alaihi wasallam.

Nabi-nabi dan Rasul-Rasul itu mulai dari masa mereka belum menjadi Nabi dan Rasul telah diberi bimbingan dan pemeliharaan, sehingga terpelihara daripada kelakuan-kelakuan dan perbuatan-perbuatan yang tidak baik.

Nabi-Nabi dan Rasul-Rasul itu mempunyai sifat-sifat yang utama, sesuai dengan kedudukan mereka sebagai penyampai ajaran Allah dan menjadi contoh dan suri tauladan bagi segala manusia.

Sifat-sifat utama yang wajib untuk mereka ialah:-

1. Shidq (Benar).
2. Amanah (Jujur).
3. Fathanah (Cerdas).
- 4 Tabligh (Menyampai).

Perlu kita ketahui tentang Nabi Muhammad s.a.w. sebagai Nabi dan Rasul terakhir, yang menjadi ikutan bagi kita.

Kedatangan Beliau ketengah ummat itu membawa ajaran dan aturan Allah, yang tersimpul dalam kitab suci Al-Quran, Beliau jelaskan isi Al-Quran itu dengan Sunnah Beliau, iaitu dengan perkataan dan perbuatan atau tingkah laku Beliau sendiri.

Beliau diutus Allah, untuk menjadi contoh dan ikutan bagi segenap

ummatnya, tentang imannya, tentang ibadatnya, dalam kehalusan akhlaknya, manis budinya, sopan santunnya, ramah-tamah dalam pergaulan, mulai dari rumah tangganya sampai dalam pergaulan dengan orang ramai, tawadhu dan rendah hatinya, lapang dada dan pemaafnya, tapi tegas tindakannya jika menghadapi yang mungkar, disamping kehalusan dan lemah lembutnya. Beliaupun seorang amat mashur keberaniannya. Beliau telah memberikan contoh dan tuntunan untuk kehidupan manusia sehari-hari, mulai dari urusan yang kecil-kecil, sampai kepada urusan yang besar-besar. Mulai dari urusan kebersihan, menggosok gigi, urusan buang air, masuk dan keluar tandas, membersihkan najis, adab tertib makan dan minum, adab tertib keluar rumah dan masuk rumah, cara berpakaian, adab tertib hendak tidur dan bangun tidur, tuntunan dan kaifiyat ibadat, cara bagaimana sembahyang, puasa, zakat dan Haji.

Demikian pun dalam hal kemasyarakatan atau mu'amalat sesama manusia, cara berjiran bertetangga, sampai dalam masyarakat ramai dan pemerintahan umum.

Perhatian kaum Muslimin sekarang tentang Nabi Muhammad, mereka menunjukkan kecintaan kepada Nabi, baru sekadar dengan puji-pujian lisan yang berupa selawat, Beliau dipuji kerana ingin mendapat syafa'at Beliau dihari akhirat, disambut dan diperingati hari lahirnya dengan besar-besaran, diperingati hari Mi'ranya, baru begitulah kita sekarang menunjukkan kecintaan kepada Nabi junjungan kita.

Tetapi kewajiban kita kepada Nabi dan menunjukkan kecintaan kepada Nabi yang ditunjukkan Allah dan Rasul bukan hanya dengan sekadar memuji, bukan dengan sekadar memuji, bukan dengan memperingati hari lahir Beliau, tetapi dengan mengikuti segala pengajarannya.

Dalam hal ini Allah berfirman:-

قُلْ إِنَّكُنْتُمْ تَحْبُّونَ اللَّهَ  
فَاتَّبِعُوهُنَّ يَحْبَّوْنَ اللَّهَ

"Sampaikanlah wahai Muhammad! Sekiranya kamu memang kasih kepada Allah (harap akan kasih sayangnya), maka ikutlah aku, nescaya Allah akan kasih kepada kamu."

## **IMAN DENGAN HARI AKHIRAT**

Perjalanan hidup dunia dan seluruh isinya, adalah seperti kehidupan setiap makhluk yang ada didalamnya, berawal dan berakhir. Kita telah menyaksikan alam yang keliling kita, manusia, binatang dan tumbuh-tumbuhan dan sebagainya, dari tidak ada, kemudian tumbuh, timbul ataupun lahir, makin sehari bertumbuh menuju kesempurnaan-nya, tetapi kemudian menyusut lagi, yang kuat semakin lemah, atau semakin lapuk, dan akhirnya sampai pada kemasnahananya kembali.

Hari yang beredar ini pun demikian, akan sampai pada kesudahannya, kehancuran semesta alam ini akan terjadi, yang disebut kiamat. Kiamat itu pasti terjadi.

Dalam Al-Quran Allah menyebutkan tentang, permulaan kiamat dengan terjadinya gempa-raya yang mengguncangkan alam semesta, setiap tahun pada masa sekarang ini, terjadi gempa bumi, terjadi letusan gunung berapi, seperti yang sering terjadi di Jepun, Indonesia, Phillipina, Turki, Itali, Rumania, Iran, Amerika Selatan dan diberbagai daerah dunia lainnya.

Bila terjadi gempa besar, menimbulkan korban yang tidak sedikit, baik jiwa ataupun harta benda, seperti yang terjadi baru-baru ini di Jawa Barat, Indonesia, goncangan gempa yang tidak berapa menit itu, batu-batu besar yang dilontarkan dari perut gunung, api dan asap yang menjulang tinggi, abu tebal yang menggelapkan udara, lahar hitam yang panas mengalir seperti sungai, semuanya hal yang menakutkan pada waktu terjadinya gempa bumi.

Gempa yang demikian, hanya terjadi sekali sekala, disatu-satu tempat didunia, bagaimana pada hari kiamat? Gempa pada hari kiamat, adalah seluruh dunia. Seperti yang disebutkan Allah dalam Al-Quran.

“Apabila bumi digemparkan segempa-gemparnya,

“Dan bumi mengeluarkan akan segala isi-isinya,

“Dan berkatalah manusia: “Apalah halnya?”,

“Pada hari itu bumi menceritakan khabar-khabarnya”,

“Bahawa Tuhaninu telah

memerintahkan kepadanya”,

“Pada hari itu manusia akan pergi terpisah-pisah, kerana akan diperlihatkan kepada mereka semua amal-amal mereka”.

“Maka barangsiapa yang berbuat amal setimbang debu kebaikan, nescaya dia akan melihatnya juga.”  
“Dan barangsiapa yang berbuat amal setimbang debu kejahanan, dia akan melihatnya juga.”

Dalam Al-Quran surat Al-Infithar Allah menyebutkan, bahawa kiamat itu bukan hanya dibumi ini saja, bukan hanya kerana gempa-raya yang mengegar bumi, tetapi kiamat semesta alam, langit, bumi, Allah berfirman:-

“Apabila langit telah terbelah”

“Dan apabila bintang-bintang (planet-planet) telah jatuh berserakan.”

“Dan apabila lautan telah meluap-luap.”

“Tahulah jiwa (manusia) apa amal-amal yang telah dia dahulukan dan apa yang telah dia kemudiankan (lalaikan).

Dalam Al-Quran surat Al-Qari'ah pula Tuhan menyebutkan tentang kiamat.

“Kiamat,”

“Apakah hari kiamat itu?”

“Pada hari itu adalah manusia seperti kupu-kupu yang bertebaran.”

“Dan adalah gunung-gunung seperti bulu yang dihamburkan.”

“Maka adapun orang-orang yang berat timbangan kebijakkannya.”

"Maka dia berada dalam kehidupan yang bahagia",

"Dan adapun orang ringan timbalan kebaikannya (banyak kejahatannya) maka tempat kembalinya ialah Neraka Hawiyah."

"Tahukan kamu, apakah Neraka Hawiyah itu?"

"Iaitu api yang sangat panas."

Dalam salah satu peringatan Rasulullah dihadapan orang-orang Kuraisy di Mekah, beliau berkata:-

وَاللَّهُ لِتَمُوتُنَ كَمَا

تَنَا مَوْنَ وَلِتَبْعَثُنَ كَمَا تَسْتَيْقَظُونَ

وَلِتَحْسِبُنَ بِمَا تَعْمَلُونَ

وَلِتَجْزُونَ بِالْأَحْسَانِ

أَحْسَانًا نَا وَبِالسُّوءِ سُوءًا وَاتْهَا

لِجَنَّةِ أَبْدَا وَ قَارِبَادَا •

( من نور اليقين )

"Demi Allah, kamu semua akan mati sebagaimana kamu tidur, dan kamu akan dibangkitkan sebagaimana kamu dibangunkan, kemudian kamu akan dihisab (dihadapkan kepada pengadilan Allah) diperiksa amal perbuatan kamu (selama hidup didunia). Kemudian kamu akan dibalas, perbuatan baik akan dibalas dengan kebaikan, perbuatan jahat akan dibalas dengan kejahatan, balasan itu ialah syurga yang abadi atau neraka yang abadi."

## IMAN DENGAN QADHA DAN QADAR

Qadha artinya ketentuan, Qadar artinya jangka. Kepercayaan tentang Qadha dan Qadar ini, ialah bahawa segala sesuatu yang terjadi dalam alam ini, atau terjadi pada diri kita sendiri, buruk ataupun baik, senang dan susah, bahagia dan celaka, pendeknya segala gerak-geri hidup kita, adalah dengan takdir dan ketentuan Allah

Qadha dan Qadar ini adalah bukti yang sungguh-sungguh atas Qudrat dan Tradat Allah.

Langsung dapat dirasakan dalam kehidupan kita, tentang umur masing-masing kita, senang dan susah, rezeki yang akan diterima, nasib bangun dan jatuh dalam perjuangan hidup.

Dalam hal Iman dengan Qadha dan Qadar ini, apakah yang menjadi tugas kita sebagai ummat yang beriman?

Rasulullah s.a.w. menunjukkan, kita tidak boleh menunggu saja ketentuan takdir, melainkan kita wajib berusaha menuju dan mencari kebahagiaan untuk diri kita dunia akhirat, kita disuruh beramal dan berikhтир serta berusaha dengan baik, apa yang kita dapatkan setelah kita menunaikan tugas berusaha dengan baik, itulah takdir untuk diri kita.

Seolah-olah kita disuruh oleh Rasulullah mencari Takdir, bukan menunggu takdir. Untuk menjadi orang yang pandai atau berilmu, kita disuruh belajar dengan rajin, apabila kita tidak

berusaha, tidak belajar, sedang kita ingin pandai, yang akan didapat bukan kepandaian melainkan kebodohan.

Ingin mempunyai harta, ingin kaya, hendaklah berusaha dengan rajin, giat bekerja, hemat dan cermat, apabila usaha telah ditunaikan dengan baik, seberapa yang dapat, begitulah takdir untuk kita, tetapi apabila kita ingin kekayaan, tapi kita tidak berikhtiar tidak berusaha, duduk saja menunggu datangnya kekayaan, yang akan kita dapatkan bukanlah kekayaan, tetapi kemiskinan.

Sebagai kaum ataupun ummat, ingin kejayaan dan kemenangan atas ummat yang lain, dalam menegakkan Agama umpamanya, Nabi Muhammad telah menunjukkan, ialah dengan berusaha keras, membina persatuan, kecerdasan dan keimanan, bahkan sampai berjuang kemedan perang, sebanyak 27 kali selama beliau hidup. Dengan ini Nabi Muhammad menunjukkan, bahawa kejayaan dan kemenangan bukan ditunggu saja, jaya dan menang bukan datang bergolek, bukan datang melayang saja, tetapi dengan ikhtiar dan berjuang.

Dalam masalah Takdir ini, kita disuruh beriman dengan yakin tentang Takdir, tetapi Takdir itu sendiri adalah urusan Tuhan semata-mata, manusia tak dapat campur tangan didalamnya, Yang menjadi tugas kita manusia dalam menuju kebahagiaan dan keberuntungan, baik dunia dan akhirat kita ialah berikhtiar, berusaha dan beramal.

## **HAL QADARIYAH, JABARIYAH DAN AHLUSSUNNAH**

Kaum Muslimin di dunia ini dalam memahamkan masalah Qadar ada terbahagi 3: (1) Qadariyah; (2) Jabariyah dan (3) Ahlussunah.

Qadariyah,, berpendirian bahawa kekuasaan menentukan nasib itu, bukan terpegang oleh Tuhan, melainkan terpegang dalam tangan manusia sendiri, Tuhan telah menyerahkan sepenuhnya kepada manusia; Mau beruntung atau rugi,. senang atau susah, bahagia atau celaka, hanya terpegang dalam tangan manusia. Ini faham Qadariyah.

Pendapat ini adalah salah. Kerana betapa banyaknya dalam hidup kita manusia, kita temui hal-hal yang mengenai diri kita, senang atau susah yang diluar perhitungan kita dan diluar tenaga dan kuasa kita. Kekeliruan mereka yang kedua, mereka manafikan kuasa Allah atas makhlukNya manusia yang lemah ini.

Orang Jabariyah, nama golongan mereka diambilkan dari kata Majbur, artinya Terpaksa. Mereka berpendirian, bahawa semua keadaan kita manusia ini, hanya terpegang sepenuhnya pada Allah. Kita tidak diberi daya atau ikhtiar dalam mengerjakan sesuatu; Maka jika seseorang itu berjalan, Tuhanlah yang melangkahkan kakinya, jika tangannya memukul, Tuhanlah yang memukulkan. Dengan sebab itu mereka manafikan adanya dosa yang

diperbuat oleh orang yang melakukan jenayah, seperti mencuri kerana yang mengerakkan tangannya mencuri itu adalah Allah.

Faham jabariyah ini adalah sangat merbahaya jika berkembang, Negeri akan miskin, sebab orang akan malas berusaha, kerana mereka hanya menunggu takdir, juga akan banyak orang jahat, kerana setiap jenayah yang mereka lakukan, mereka katakan Tuhanlah yang menggerakkan tangan mereka untuk merompak, memaling ataupun mencuri.

Golongan Ahlussunnah, ya'ni golongan yang berpendirian menurut Sunnah Rasulullah s.a.w. iaitu "Bahawa Qadha dan Qadar adalah urusan Allah sendiri. Kita wajib mengimaninya, nasib segala makhluknya tergenggam dalam KuasaNya, tapi ikhtiar adalah kewajiban manusia."

Amal dan ikhtiar itulah yang dinilai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Amal dan ikhtiar yang baik dibalas oleh Allah dengan kebaikan, amal dan ikhtiar yang jahat dibalas oleh Allah dengan kejahanatan pula.

Bahawa usaha dan ikhtiar

manusia untuk menuju kejayaan dunia akhirat itu dihargai dan diterima oleh Allah, dapat difahamkan daripada firman Allah dalam surat Ar-Ra'du: 11.

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ  
يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

"Sesungguhnya Allah tidak akan merubah nasib suatu kaum, sehingga mereka merubah keadaan diri mereka sendiri."

Apakah yang merosakkan Iman?  
Yang merosakkan Iman ialah:-

1. Syirik, menyekutukan Allah dengan yang lain.
2. Syak ataupun ragu atas sesuatu ajaran Iman dan Islam ini.
3. Menyangkal kebenaran tentang adanya Allah dan segala sifatnya serta menyangkal ajaran Allah yang disampaikan Rasulnya.
4. Melanggar atau mendurhakai aturan Allah dan Rasul, meninggalkan suruhannya atau melanggar laragannya.

Firman Allah dalam Al-Quran yang bermaksud:-

"Dan tidaklah Kami mengutus para rasul itu melainkan untuk memberi khabar gembira dan memberi peringatan. Barangsiapa yang beriman dan mengadakan perbaikan, maka tak ada kekhawatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati."

(Surah Al-An'aam ayat 48)

# **NILAI IBADAH SALAT DALAM ISLAM**

Apakah nilai Ibadah Salat dalam Islam? Untuk mendapat jawapannya marilah kita sama-sama menerokai keterangan-keterangan mengenai Salat dalam kitab suci Al-Quran dan hadis-hadis Rasulullah s.a.w.

Sejak dari manusia ujud dan berbudaya diatas muka bumi Allah ini, sejak dari zaman purbakala, tidak ada satu puak atau kaum yang beragama tidak mengajar Salat dalam agama mereka. Cuma cara Salat satu-satu kepercayaan, atau agama itu berlainan, diantara satu dengan yang lain.

Marilah kita menyiduk beberapa keterangan-keterangan Allah dan RasulNYA bagi menentukan nilai Ibadah Salat dalam kehidupan manusia yang beragama Islam. Islam sangat mengambil berat tentang perlaksanaan ibadah Salat. Samada dalam firman-firman Allah maupun sabda-sabda Rasulullah s.a.w., terdapat perintah yang sungguh-sungguh mewajibkan seseorang yang beriman melaksanakan ibadah Salatnya. Begitu pun sebaliknya, Allah dan RasulNYA memberi amaran dan gambaran yang sangat buruk kepada sesiapa yang tidak menunaikan Salatnya. Nabi Muhammad s.a.w. memberitahu umat manusia bahawa Salat itu tiang agama, Salat itu anak kunci syurga dan sebaik-baik amal pekerjaan yang dilakukan manusia ialah Salat.


Marilah kita sama-sama memahami maksud ayat-ayat Al-Quran yang berikut ini:-  
1) Ayat 40, Surat Ibrahim.

"رَبِّ اجْعُلْنِي مَقِيمَ الصَّلَاةِ وَمَنْ ذَرَيْتَ رَبِّنَا وَتَقْبَلْ دُعَاءً" .

• (ابراهيم: ٤٠)

Maksudnya:-

Nabi Ibrahim berdoa: "Wahai Tuhanku jadikanlah aku orang yang mendiri sembahyang begitu juga zurriat keturunanku. Wahai Tuhan Kami! Terimalah permohonan kami."



2) Firman Allah memuji Nabi Ismail.

"وَكَانَ يَأْمُرُ أَهْلَهُ بِالصَّدَقَةِ وَالزَّكَاةِ وَكَانَ عِنْدَ رَبِّهِ مَرْضِيًّا" .  
• (مریم : ۲۵)

Maksudnya:-

"Dan adalah (Nabi Ismail) menyuruh keluarganya mendiri sembahyang dan menunai zakat. Dan dia disisi Tuhanya direhái."

3) Ayat 14, Surah Taha yang berikut menjelas tentang Allah memerintahkan Nabi Musa (a.s.) mendirikan sembahyang.

Firman Allah:-

"وَإِنَّا أَخْرَنَاكَ فَاسْتَمْعْ لِمَا يُوحَىٰ ، اتَّقِيَ إِنَّ اللَّهَ لَلَّهُ إِلَّا إِنَّا فَاعْبُدْ نَحْنُ وَاقِمْ  
الصَّلَاةَ لَذِكْرِي " . ( طه : ١٤ )

Maksudnya:-

"Dan Aku telah memilih engkau (Wahai Musa). Dengarlah apa yang diwahyuku (kepadamu) iaitu, "Sesungguhnya Aku, Akulah Allah, Tidak ada Tuhan lain hanya Aku. Dari itu sembahlah Aku dan dirikan sembahyang untuk mengigatKu."

4) Dengarlah keterangan maksud ayat 17, Surah Lukman, menceritakan kata-kata Lukman menasihat anaknya.

Firman Allah:-

"يَا بْنَيَ ، اقِمِ الصَّلَاةَ وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَانْهِ عَنِ الْمُنْكَرِ وَاصْبِرْ  
عَلَىٰ مَا أَصَابَكَ إِنَّ ذَلِكَ مِنْ عِزْمِ الْأَمْرِ " . ( لقمان : ١٧ )

Maksudnya:-

Berkata Lukman berwasiat kepada anaknya: "Wahai anakku! Dirikanlah salat. Suruhlah orang membuat ma'ruf (yang baik) dan laranglah mereka melaku mungkar (perbuatan jahat). Dan bersabarlah atas apa yang menimpa engkau. Sesungguhnya yang demikian itu adalah daripada barang-barang yang diwajib Allah (keatas kamu)."

Dan banyak lagi ayat-ayat berhubung dengan Salat. Ia adalah satu pekerjaan ibadah yang sangat diberatkan oleh agama Islam.

Untuk mengetahui lebih lanjut lagi sila rujuk kepada ayat-ayat dalam surah-surah berikut:-

- 1) Surah Mariam ayat 31
- 2) Surah Angkabut ayat 45
- 3) Surah Al-Baqarah ayat 139

Islam tidak saja mewajibkan penunaian Salat diwaktu berada dikampung, di negeri dan dimasa aman, bahkan Salat tetap diwajib keatas seseorang yang beriman diwaktu huru hara, waktu peperangan di medan pertempuran, ketika musafir, malah diwaktu sakit, asal saja Mukmin itu masih waras akal fikirannya.

Allah mengakui bahawa orang-orang beriman yang memelihara Salat serta khusuk dalam Salatnya, merekalah orang yang beruntung.

Firman Allah:-

"قد افْلَحَ الْمُؤْمِنُونَ الَّذِينَ فِي صَلَاتِهِمْ خَاطِعُونَ . . .  
وَالَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صِلَاوَاتِهِمْ يَحْافَظُونَ " . (المؤمنون: ١٨٩)

Maksudnya:-

"Sesungguhnya beruntung orang-orang beriman yang khusuk dalam salat mereka (1) ..... Dan mereka yang memelihara (mengerjakan) Salat mereka (9)

Firman Allah lagi:-

" حَفِظُوا عَلَى الْمَلَوَاتِ وَالصَّلَةِ الْوَسْطَى وَقَوْمُوا لِلَّهِ قَانِتِينَ فَإِنْ حُفِّظْتُمْ فَرْجًا  
أَوْ كِبَارًا " . (البقرة: ٢٢٨)

Maksudnya:-

"Peliharalah semua salat (mu) dan (peliharalah) salat wusta (Asar). Berdirilah untuk Allah (dalam salatmu) dengan khusuk (238) Jika kamu dalam keadaan takut (bahaya) maka salatlah sambil berjalan atau berkendaraan ..... (239)

Oleh kerana nilai Salat itu sangat tinggi, maka ianya mesti dikerjakan, Salat yang difardhukan, wajib dilaksanakan, walaupun disaat orang itu uzur, tidak berdaya lagi hendak melafaz sesuatu dengan lidah dan tidak berupaya hendak mengerakkan anggotanya, namun selagi akalnya masih waras, ia wajib menunaikan Salatnya walaupun dengan mengingati didalam hatinya; ruku', sujud dan lain-lain rukun-rukun Salat memadailah dengan lintasan dihatinya.

Islam memberi ingat dan amaran kepada manusia bahawa mereka menerima kecelakaan dan kebinasaan kalau ia lupa akan Salatnya.

1) Firman Allah:-

"فَوَيْلٌ لِلْمُعْصَيْنِ الَّذِينَ هُمْ عَنْ صَلَاتِهِمْ سَاهُونَ " .  
(الماعون: ٤)

Maksudnya:-

"Maka kecelakaanlah bagi orang-orang yang Salat (4) iaitu orang-orang yang lalai dari Salat." (5)

2) Firman Allah lagi dalam suruh Mariam ayat; 59 berbunyi:-

..... أَضَاعُوا الصَّلَاةَ وَاتَّبَعُوا الشَّهْوَاتِ فَسُوفَ يَلْقَوْنَ عَيْنًا " .

( مريم: ٥٩ )

Maksudnya:-

"Mereka yang menyia-nyiakan Salat dan menurut hawa-nafsunya, maka mereka kelak akan menemui kesesatan."

Rasulullah telah menjadikan Salat sebagai bukti keujudan iman seseorang dan tanda bagi membezakan diantara, samada seseorang itu Islam atau kafir.

Sabda Rasulullah s.a.w.: -

..... بَيْنَ الرَّجُلِ وَبَيْنِ الْشَّرْكِ وَالْكُفْرِ تَرْكُ الصَّلَاةِ " .

( الحدیث رواه احمد و مسلم و اصحاب السنن )

Artinya:-

"Beza diantara lelaki Islam dengan lelaki musyrik dan kafir ialah tentang meninggal sembahyang."

2) Sabda beliau lagi:-

..... التَّهَدُّدُ الَّذِي بَيْنَنَا وَبَيْنَهُمُ الصَّلَاةُ ، فَمَنْ تَرَكَهَا فَقَدْ كَفَرَ " .

( الحدیث : رواه الحمسة ، وقال الترمذی : حسن صحيح )

Artinya:-

"Perjanjian yang dibuat diantara kami dan mereka ialah Salat. Maka barangsiapa yang meninggal Salat sesungguhnya dia itu kafir/ingkar."

3) Pada suatu hari Rasulullah s.a.w., menerang kepada para sahabatnya tentang Salat.

Sabdanya:-

..... مَنْ حَفِظَ عَلَيْهَا كَانَتْ لَهُ نُورًا وَبِرَاهِنًا وَنِجَاحًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ،

وَمَنْ لَمْ يَحْفَظْ عَلَيْهَا لَمْ يَكُنْ لَهُ نُورًا وَلَا بَرَاهِنًا وَنِجَاحًا ،

وَكَانَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ مَعَ قَارُونَ وَفَرْعَوْنَ وَهَامَانَ وَأَبْيَ بنَ خَلْفٍ " .

• (الحادي ث : رواه احمد وابن حبان في صحيحه )

Artinya:-

“Barangsiapa yang menunaikan Salatnya maka baginya dianugerah Allah, dengan cahaya, penerangan dan kejayaan di hari Qiamat; Dan barangsiapa yang tidak menunaikan Salat dia tidak akan mendapat cahaya, keterangan dan kejayaan. Pada hari Qiamat dia akan bersama-sama disiksa dengan Karun, Firaun, Haman dan Ubai bin Khalf.”

Para Ulamak Hadis menjelaskan maksud hadis ini seperti berikut:-

“Barangsiapa yang meninggal Salatnya kerana pengaruh harta, dia akan disiksa bersama dengan Karun, kalau ia meninggal Salat kerana sibuk dengan pemerintahan singahsananya sebagai Raja dia akan disiksa bersama Firaun, siapa yang meninggal Salat kerana sibuk dengan urusan sebagai pemimpin sebagai menteri, maka dia disiksa bersama Haman, dan siapa yang meninggal Salatnya kerana sibuk dengan urusan perniagaan dia akan disiksa bersama dengan Ubai bin Khalf.

Jadi, tidaklah hairan setelah kita mengetahui ketegasan dan penekanan yang dibuat oleh ayat-ayat Al-Quran dan Assunnah Rasulullah terhadap seseorang Islam mestilah menunaikan Salatnya, sepanjang hayatnya masih di kandung badan; sehingga sebilangan daripada ulama berpendapat bahawa orang yang sengaja meninggal Salatnya adalah dikira Kafir, terkeluar dari ajaran agama Islam. Pendapat ramai daripada Ulama mengatakan bahawa orang yang sengaja meninggal Salatnya dihukum fasik, berdosa besar, dikhawatir iambat sangat dianya akan tidak beriman kepada Salat lima waktu itu sebagai amalan wajib.

Demikianlah kedudukan dan nilai ibadah Salat dalam Islam kerana kedudukannya yang pentingnya, maka Salat telah dijadikan ibadah yang mula-mula sekali di wajib keatas orang-orang Islam. Ia telah diwajibkan dimasa Rasulullah masih berada di Mekkah, tiga tahun sebelum beliau berpindah ke Madinah. Cara Rasulullah menerima fardhu Salat telah membuktikan satu lagi tanda penting dan besarnya nilai Salat. Betapa tidak! Lain-lain ibadah kesemuanya diterima oleh Rasulullah (s.a.w.) di bumi ini, menerusi malaikat Jibril (a.s.), akan tetapi perintah fardhu Salat sahaja diterima oleh Rasulullah (s.a.w.) di tempat yang maha tinggi, disisi Allah s.w.t. pada malam Isra' dan Mikraj; ianya di terima langsung oleh Rasulullah dari Allah s.w.t., Tuhan Seru Sekalian Alam.

Cuba perhati! amalan yang dibuat oleh negara-negara di dunia ini, kalau ada satu-satu perkara yang paling mustahak dan penting hendak disampaikannya, maka ia akan memanggil pulang duta-dutanya diluar negeri untuk menerima sendiri maklumat

atau perintah itu dari Presiden atau Perdana Menteri negara itu. Begitu jugalah perumpamaan Nabi Muhammad (s.a.w.) selaku Duta Allah kepada seluruh umat manusia di muka bumi ini, beliau dipanggil mengadap yang Maha Kuasa, Allah Pencipta Alam seluruhnya, untuk disampaikan kepada Rasul atau Dutanya itu satu perkara yang paling penting dan mustahak, iaitu arahan untuk menerima perintah kewajipan menunaikan Salat fardhu untuk disampaikan kepada umat manusia.

Inilah dia puncak dari segala bukti-bukti yang menunjukkan bahawa Ibadah Salat dalam Islam mempunyai nilai-nilai yang paling tinggi dan mulia dari sekalian ibadah-ibadah yang lain-lain.

Sekian.

Wabillahittaufiq Wal Hidayah.

Oleh:

(HAJI MOHD. MORTADZA HAJI DAUD)

## **RANGKUMAN DOA DOA BANGUN TIDUR**

reverse black!!  
اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ الَّذِي اَخْيَأَنَا بَعْدَ مَا اَمَاتَنَا وَإِلَيْهِ النُّشُورُ  
reverse black!!

Alhamdu lillahil ladzii ahyaanaa ba'damaa amaatanaa wailaihin musyuur.

Artinya:-

Segala puji bagi Allah yang telah menghidupkan kami kembali setelah mematikan kami dan kepada-nyalah kami dihimpunkan.

(Hadis riwayat Bukhari dari Abudzar, r.a.)

## **— BAHAGIAN PERTAMA —**

# **KEPIMPINAN DALAM ISLAM**

(Oleh: Hj Hasanuddin Abu Bakar)

1. KEPIMPINAN atau KEPEMIMPINAN atau LEADERSHIP, mengandung beberapa nilai-nilai khas yang harus dimiliki oleh seseorang untuk dapat membolehkannya menduduki martabat PEMIMPIN.
2. Dalam ISLAM nilai-nilai kepimpinan itu terlihat didalam akhlak mulia (akhlaqul karimah), sebagaimana telah dicontohkan oleh Nabi Muhammad s.a.w.
3. Akhlaq mulia itu adalah hasil didikan dan latihan daripada ajaran-ajaran yang hakiki, yang bersumber dari wahyu-wahyu Ilahi seperti yang termaktub didalam Al-Quranulkarim.
4. Nabi Muhammad s.a.w., dalam menjalankan tugas kepimpinannya, senantiasa dipandu oleh wahyu-wahyu daripada Allah s.w.t., sebagaimana dibayangkan didalam Q.S. 53: 3-4:-

وَمَا يُنطَلِّقُ عَنِ الْبَرِّ وَإِنْ هُوَ إِلَّا وَهُوَ يُوحَى •  
• : (النَّجْم: ٤-٣)

Yang bermaksud:- “Dan tidaklah dia (Muhammad) mengucapkannya dari kemauan hawa nafsunya sendiri, hal itu tidak lain, melainkan wahyu yang diturunkan (kepadanya).”

Demikian pula hadis-hadis daripada Rasulullah itu, baik yang merupakan perkataan, perbuatan ataupun persetujuan (taqrir) beliau, semuanya itu adalah merupakan penjelasan-penjelesan daripada wahyu-wahyu Allah s.w.t.

5. Kalau Nabi Muhammad s.a.w., sudah diiktiraf sebagai PEMIMPIN yang terbaik, baik oleh kawan maupun oleh lawan\*, adalah disebabkan ketaatan beliau dalam menjalankan segala

aranan hukum dan peraturan daripada Tuhan-Nya, iaitu daripada Allah Yang Maha Pengasih, Maha Penyayang. Sebagai seorang manusia zuriat Nabi Adam (alaihissalam), Nabi Muhammad s.a.w. telah memperlihatkan ketaatasetiaannya yang utama, ialah mengakui Allah sebagai Tuhan-Nya, Yang Menciptakannya, Yang Menjaganya, Yang Membimbangnya, bahkan Yang menentukan hidup-matinya.

6. Sebenarnya setiap manusia keturunan Adam, semenjak ia diciptakan didalam rahim ibunya, telahpun membuat pengakuan terhadap Allah, sebagai Rabb, yakni Tuhan yang Menjadikannya, Memberinya hidup dan kehidupan diatas dunia lalu ke Akhirat.

Hal ini ternyata dalam Q.S. 7: 172:-

وَإِنْ أَخْذَ رِبَّكَ مِنْ بَيْنِ  
أَدْمَنْ مِنْ ظُهُورِهِمْ فَرِيتَهُمْ  
وَشَهِيدُهُمْ عَلَىٰ أَنفُسِهِمْ  
أُلْسَتْ بِرِبِّكُمْ . قَالُوا بَلْ  
نَحْنُ نَعْلَمْ

• (الاعراف : ١٢٢)

Yang bermaksud:- "Dan (ingatlah) tatkala Tuhanmu

mengeluarkan keturunan anak Adam dari sulbi mereka, dan Allah mengambil kesaksian atas diri mereka, (seraya berfirman): "Bukankah Aku ini Tuhanmu?", mereka menjawab, "Betul (Engkau Tuhan Kami), kami menyaksikan!"

\* Michael H. Hert (Kristen), dalam bukunya "The 100, a Ranking to the Most Influential Persons in History" (Seratus Tokoh yang paling berpengaruh dalam sejarah), telah memilih dan meletakkan Nabi Muhammad s.a.w. pada tingkat yang teratas (No. 1), sedang Tuhan Jesusnya diletakkannya hanya pada tingkat ketiga (No. 3).

7. Ternyata, bahawa seluruh manusia sebagaimana dicontohkan oleh para Nabi dan Rasul mesti mempunyai dan menepati satu pengakuan yang mutlak dan sangat mustahak terhadap ke Maha Pimpinan daripada Allah Yang Maha Agung, kerana di "tangan" Nya-lah terletak nasib seluruh makhluk alam raya ini. Dialah yang dipanggil dengan Allah Rabbul Alamin.

8. Maka Agama Islam dengan ajaran "AQIDAH TAUHID-nya yang suci sangat menekankan tentang hak kedaulatan Allah Yang Mutlak. Seluruh manusia, apa juapun pangkat dan kekuasaannya, mesti takluk dibawah kedaulatan

- dan kepimpinan Allah Taala itu.
9. Sebab itulah Islam memerintahkan kepada orang-orang yang bersengketa atau berselisih faham tentang suatu perkara, supaya merujukkannya kepada hukum-hukum Islam yang berdasar kepada wahyu Allah (Al-Quran) dan sunnah Nabi Muhammad s.a.w. Mari kita perhatikan perintah Allah dalam firmān Nya, Q.S. 4: 59:-
- يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا إِذْ مَوَلَّهُمُ اللَّهُ وَالرَّسُولُ وَأُولَئِكُمْ أَمْرُنَا فَإِنْ تَنَازَعْتُمْ فِي شَيْءٍ فَرُدُّوهُ إِلَى اللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ كُنْتُمْ تُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ وَالرَّسُولِ إِنْ أَخْرَذْنَاكُمْ فَإِنَّمَا يُحِبُّ الْمُجْرِمَوْنَ حِيرَ وَأَحْسَنَ تَأْوِيلًا .
- ١٦ د (النساء: ٥)
10. Daripada petunjuk ayat suci tersebut, ternyata ada tiga peringkat kepimpinan dalam Islam, iaitu:-  
 — pertama dan yang terutama; Allah s.w.t.  
 — kedua, sebagai contoh tauladan utama: RASULULLAH (Muhammad s.a.w.)  
 — ketiga, yang dilantik diantara kamu: Orang-orang yang memegang kekuasaan.
11. Mengenai kepimpinan Allah dan Rasul sudah disinggung dan diterangkan tadi (diatas).
12. Sekarang mengenai syarat-syarat yang mesti dipenuhi oleh ketua-ketua urusan atau penguasa-penguasa, yang juga mesti kamu taati, ialah seperti tersebut dalam firman Allah, Q.S. 5: 55:-

إِنَّمَا وَلِيْكُمُ اللَّهُ وَرَسُولُهُ وَالَّذِينَ آمَنُوا إِذْ مَوَلَّهُمُ اللَّهُ وَالرَّسُولُ وَمَنْ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ رَأَكُمْ • (المائدَةُ: ٥٥) •

Yang bermaksud:- "Hai orang-orang yang beriman, taatilah Allah dan taatilah Rasul (Nya), dan orang-orang yang berkuasa diantara kamu. Maka jika sekiranya kamu berbantahan disuatu perkara, hendaklah kamu rujukkan dia kepada Allah dan Rasul (Quran dan Hadist), jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari kemudian. Yang demikian itu lebih utama (bagimu) dan lebih baik akibatnya."

Yang bermaksud:- "Sesungguhnya (yang dijadikan) ketua bagi kamu hanyalah Allah dan RasulNya, dan orang-orang yang beriman yang mendirikan shalat dan menunaikan zakat, seraya mereka tunduk kepada (segala hukum-hukum) Allah." Jadi, teranglah, dalam peringkat

ketiga itu, yakni orang-orang yang dilantik menjadi ketua atau pemimpin suatu urusan, hendaklah terdiri daripada orang-orang yang beriman, yang mendirikan sembahyang, yang membayarkan zakat (jika dia telah memenuhi syarat bagi wajib zakat), dan yang tunduk atau taat setia terhadap semua aturan dan hukum Allah.

13. Maka semua mereka, baik yang memimpin maupun yang dipimpin, yang memenuhi syarat ketaatan seperti tersebut diatas, dijamin oleh Allah Yang Maha Kuasa, bahawa mereka akan mendapat kemenangan dalam perjuangan. Dengarkanlah janji Allah dalam ayat berikutnya (Q.S. 5: 56):-

وَمَن يَتَوَلَّ اللَّهَ وَرَسُولَهُ

وَالَّذِينَ امْنَأُوا ، فَإِنَّ

حَزْبَ اللَّهِ هُمُ الْفَاتِحُونَ

(المائدة: ٥٦)

Yang bermaksud:- "Dan barangsiapa yang menjadikan Allah dan RasulNya, dan orang-orang yang beriman sebagai pemimpin, (mereka itulah pasukan Allah), maka sesungguhnya pasukan Allah itulah yang pasti menang."

## ILMU KEPIMPINAN

Bersumber daripada

maksud kandungan ayat-ayat suci Al-Quranulkarim dan sunnah Rasulullah s.a.w., sebagai contoh tauladan, maka pakar-pakar ilmu kepimpinan telah dapat menguraikan beberapa perkara tentang nilai-nilai kepimpinan yang semestinya dimiliki oleh para pemimpin. Diantaranya dapat dilihat dari tiga segi:-

- i) Kemampuan menganalisa.  
ii) Kemampuan membuat konsep.  
iii) Keberanian membuat keputusan.

(i) Kemampuan menganalisa:- penting sekali bagi pemimpin untuk dapat memisah-misahkan mana yang lebih penting, mana yang lebih perlu diutamakan, mana yang lebih mendesak, mana yang lebih perlu diberikan perhatian utama, dan sebagainya. Pemimpin sangat perlu mempunyai kemampuan untuk membaca keadaan yang dia hadapi, mengamat-amati dan melihatnya dengan teliti.

(ii) Kemampuan membuat konsep:- sangat perlu untuk pelaksanaan yang lebih teratur dan systematic. Konsep adalah apa yang akan dikerjakan. Ia adalah rencana yang tersusun rapi, sehingga mudah dilaksanakan oleh siapa pun juga yang nantinya diberikan tugas untuk mengerjakannya. Tanpa konsep yang teratur, pelaksanaan sesuatu

program menjadi lebih sulit dan mungkin terbengkalai.

Pemimpin yang mampu membuat konsep yang baik, akan mudah menjalankan proses kepemimpinannya dan mudah pula diikuti oleh bahawannya.

- (iii) Keberanian mengambil keputusan:- akan terjadi secara otomatic apabila seseorang itu telah mengadakan analisa yang teliti dan membuat konsep yang rapi. Pengambilan keputusan adalah penentuan titik tolak didalam sesuatu pekerjaan dan pelaksanaan program. Orang yang ragu-ragu mengambil keputusan itu tidak lain kecuali akibat dari tidak matangnya konsept atau kurang telitiya analisa. Keadaan yang seperti ini akan mengganggu kelancaran proses kepimpinan tersebut.

Dengan nilai-nilai diatas, seseorang pemimpin mulai tugasnya, iaitu, mengadakan perubahan tingkahlaku dan tujuan dari orang-orang yang dipimpinnya. Sebelum dapat merubah ini, dia mestilah dapat mempengaruhi orang lain, dan inipun dapat dilaksanakan dengan nilai-nilai kepemimpinan yang dimilikinya tadi.

Mengingat bahawa tugas pemimpin adalah untuk merubah tingkahlaku dan tujuan orang-orang yang berada disekitarnya,

maka tugas memimpin ini menjadi tidak berbeda dengan tugas dakwah. Semuanya mempunyai tujuan untuk memperbaiki keadaan manusia. Selain itu daie dan pemimpin sama-sama bertugas memelihara dan mempertahankan orang-orang yang telah dipimpin tadi kearah kebaikan, agar tetap terus berada didalam keadaan baik. Hal ini dapat dilakukan dengan contoh-contoh yang baik dan penguasaar lingkungannya. Moral dan kebiasaan masyarakatnya dirubah, dan dipertahankan sedemikian rupa, sehingga sesuai dengan apa yang diinginkannya.

Untuk menunjang keberhasilannya, pemimpin perlu memiliki beberapa sifat-sifat penting:-

1. Kemauan yang keras:- Tanpa kemauan yang keras seseorang itu tidak akan menjadi pemimpin. Dengan kemauannya yang keras inilah dia merubah orang-orang yang dipimpinnya kepada apa yang diinginkan. Segala yang telah diatur dan ditetapkan itu tidak boleh ditawar-tawar atau dirubah-rubah.

2. Tegas:- Seseorang pemimpin hendaklah bersikap pasti dan tegas dalam segala hal. Dia tidak boleh ragu-ragu, sebab keraguan pada diri sang pemimpin itu sendiri, akan mengakibatkan kesan-kesan negatif pada orang-orang yang dipimpinnya.

3. Tabah:- Pemimpin mestilah bersikap sungguh-sungguh didalam menjalankan kerja-kerja yang telah ditentukan sebelumnya tanpa terpengaruh oleh kesulitan-kesulitan yang timbul. Ia harus mampu bekerja keras dengan penuh stamina dan tanpa putus asa.
4. Istiqamah:- Pemimpin mestilah mempunyai keperibadian yang teguh tetap berpegang dengan keyakinannya. Ia tidak boleh mudah terpengaruh dengan unsur-unsur luar yang jelas salah. Mentalnya harus kuat mempertahankan sikap, perbuatan dan pendiriannya. Orang yang demikian digembirakan oleh Allah s.w.t., dengan firmanya didalam surat Al-Ahqaf ayat: 13-14:-

أَنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ

شَاءُوا سَتَقَاماً مَوْفَلًا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ  
وَلَا هُمْ يُحِزِّنُونَ اولئكَ الْمُصَابُونَ  
الْجَنَّةُ خَالِدُونَ فِيهَا جَزَاءُ  
بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ .

(الْأَحْقَافُ : ١٣ - ١٤ )

Yang artinya:- "Sesungguhnya mereka yang mengatakan Tuhan kami adalah Allah, kemudian mereka beristiqamah, maka tidaklah mereka merasa takut dan

bimbang (13). Mereka lah orang-orang yang akan memasuki syurga dan kekal didalamnya, sebagai balasan atas apa yang mereka kerjakan (14)."'

5. Sabar:- Dengan kesabaran dimaksudkan menahan diri dari bertindak tergesa-gesa, sebelum difikirkan dengan mendalam, apakah pantas dia berbuat demikian, serta mengingat pula akibat daripadanya. Sabar lebih penting lagi bagi orang yang sedang marah. Orang-orang yang sabar berarti mampu menguasai dirinya sendiri, menghadapi gejolak hawa nafsu. Allah s.w.t. mengembirakan orang-orang yang sabar dengan firmanNya didalam surat Al-Baqarah ayat: 155-156:-

وَلَنْ يَطْلُونَكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ  
وَالْجُوعِ وَنَقْسٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ  
وَالْأَنْفُسِ وَالثُّمُراتِ  
وَبِشَرِّ الصَّابِرِينَ الَّذِينَ  
إِذَا أَصَابَتْهُمْ مُّصِيبَةٌ

قَالُوا إِنَّ اللَّهَ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ .  
(الْبَقْرَةُ : ١٥٥ - ١٥٦ )

Yang artinya:- "Dan pastilah kami akan menguji kalian dengan sementara rasa kuatir, dengan kelaparan, kekurangan harta,

kekurangan kawan dan kekurangan buah-buahan (makanan). Maka gembirakanlah orang-orang yang sabar (155). (lalah) orang-orang yang apabila mereka ditimpa musibah, mereka berkata bahawa sesungguhnya kita kepunyaan Allah, dan kepadaNya kita akan kembali." (156).

6. Tenang:- Ketenangan diperlukan dalam segala hal, terutamanya ketika menghadapi problem. Hal ini dapat dicapai dengan latihan. Bagi seseorang pemimpin, sifat yang tenang memberikan keyakinan kepada orang-orang yang dipimpinnya bahawa, sang pemimpin tersebut masih mampu memberikan perlindungan kepada mereka sekalian, sehingga mereka tidak perlu bimbang. Dengan ketenangan juga pemimpin tidak mudah tersalah langkah didalam tindakannya.
7. Memelihara diri sendiri:- Pemimpin perlu sekali untuk selalu menganalisa dan mengamati dirinya sendiri, sebelum diberikan penilaian oleh orang lain. Sebelum kekeliruan dan kesalahan menjadi besar, ia dapat segera memperbaikinya sehingga tidak perlu ditegur oleh orang lain, sebab jika sampai terjadi demikian, nantinya akan menjaskan kewibawaannya dimata

orang-orang yang dipimpinnya. Rasulullah s.a.w bersabda yang artinya:- "Berbahagialah orang-orang yang suka meneliti cela dirinya sendiri dan tidak punya kelebihan waktu buat mencari-cari kesalahan orang lain, bersedia menghulurkan kelebihan rezekinya, serta mampu mencegah ucapannya yang berlebihan."

8. Selalu waspada:- Perlu sekali bagi seseorang pemimpin berwaspada dalam segala hal, baik mengenai dirinya sendiri, mengenai anak buahnya ataupun mengenai orang-orang lain diluar kelompoknya itu. Berwaspada berarti selalu hati-hati terhadap segala macam kemungkinan yang mungkin menimpanya. Dengan berwaspada, dia tidak mudah tertipu atau dikaburi, sebab dia tidak bertindak terlalu cepat dan tidak terlalu mempermudahkan segala problem.
9. Bijaksana: - Dengan bijaksana dimaksudkan mempunyai pandangan dan perhitungan yang jauh kemuka serta mampu membayangkan dan mengira-gira kemungkinan. Ia mampu membuat pilihan yang sesuai dan tepat, baik didalam sikapnya maupun didalam tindakannya, sehingga akan terhindar dari segala kesan-kesan negatif yang merugikan. Ia selalu teliti dalam

- segala persoalan.
10. Lapang dada:- Pemimpin seharusnya bersifat lapang dada iaitu dapat menerima kejadian yang tidak disukainya, dalam keadaan yang baik. Ini termasuklah pendapat yang bertentangan dengannya, hasil yang tidak di harap-harapkannya akan terjadi, semisal kekalahan, kegagalan dan sebagainya. Dia mestilah mampu menerima kenyataan seadanya dan mampu pula menyelesaikan pertentangan-pertentangan yang terjadi.
11. Berjiwa Besar:- Berjiwa besar itu tidak mudah kecewa, tidak berputus asa, sebaliknya selalu optimis. Dia tidak merasa rendah dan hina, sebaliknya merasa selalu mampu mengatasi segalagalanya, merasa memiliki yang terbaik, merasa punya sesuatu yang istimewa, sehingga ia tidak mudah jatuh mental melihat kehebatan orang lain.
12. Mempunyai kelebihan:- Seorang yang ingin berhasil didalam kepimpinannya mestilah mempunyai kelebihan-kelebihan daripada orang-orang yang berada dibawah pimpinannya. Minima dia punya kemampuan menguasai orang yang punya kelebihan, dan memanfaatkannya. Sebaiknya orang yang sedang dan akan menjadi pemimpin itu selalu mencari-cari apa-saja yang dapat membuat dirinya punya kelebihan dari yang lain. Dengan kelebihan inilah pimpinannya diperlukan oleh semua orang.
13. Berinisiatif:- Pemimpin mestilah punya sifat pioneer, iaitu orang yang selalu memulai atau mengambil langkah pertama. Dia memulai lebih dahulu, kemudian barulah diikuti oleh yang lain-lain. Dia berada dihadapan, sehingga dapat kita lihat dengan jelas bahawa dia adalah yang memberikan guide atau bimbingan sesuai dengan posisinya sebagai pemimpin. Untuk ini ia mestilah kreatif.
14. Berani:- Tanpa keberanian seseorang itu tidak akan menjadi pemimpin, malah ia perlu dipimpin, dia akan berani bila dia mengetahui betul dalam keadaan bagaimana dia sekarang, apa yang dapat diperbuatnya, apa risiko yang dihadapinya dan bagaimana menyelesaiannya. Pemimpin tersebut selalu dalam keadaan siap menghadapi segala macam kemungkinan, tidak takut dan tidak bimbang. Dia akan lebih berani bila dia terlebih dahulu dapat menduga apa yang kira-kira akan terjadi.
15. Bertanggungjawab:- Pemimpin mestilah seorang yang bertanggungjawab, iaitu sanggup menerima risiko, sanggup menanggung akibat dan sanggup

menyelesaikan problem dari apa yang dilakukannya. Dia tidak lari dari kenyataan. Dia tidak melepas tangan. Ia bertanggung-

jawab terhadap semua kesalahan-kesalahan yang terjadi, termasuklah kesalahan yang diakibatkan oleh anak buahnya.

### Contohilah wanita ini...

"DAN dirikan sembahyang dan tunaikanlah zakat," demikian maksud sepotong ayat suci al-Quran.


Wanita ini (lihat gambar bawah) begitu khusyuk bersembahyang, meskipun tempat dia beribadat tidaklah begitu selesa.

Beliau terpaksa bersembahyang di celah-celah deretan gerai dan kenderaan yang diletak berhampiran. Bagaimanapun, ini tidak menghalang wanita ini daripada

menjalankan kewajipannya.

Dalam keadaan sekarang, terutama di Malaysia, perkara seperti ini jarang kelihatan. Ramai umat Islam malu menunaikan sembahyang di khalayak ramai dan dalam keadaan sibuk.

Wanita ini patut dijadikan contoh bahawa dalam kesibukan mencari rezeki, kita tidak harus lalai mengerjakan suruhan Tuhan. Ketika menjalankan suruhan agama juga, kita tidak perlu malu dan ragu-ragu.





## AKHLAK NABI MUHAMMAD S.A.W.

**K**ebesaran Junjungan kita Nabi Muhammad s.a.w. bukannya dengan mukjizat-mukjizat yang luar biasa, kerana mukjizat-mukjizat itu tidak berlaku hanya di suatu ketika dan tidak pula berkekalan, kecuali Al-Quran. Kebesaran Rasulullah s.a.w. yang sebenarnya ialah pada peribadi beliau yang kuat dan sempurna, iaitu peribadi yang terbentuk daripada budi pekerti yang tinggi dan mulia. Dengan peribadi yang teristimewa inilah Junjungan kita dapat mempengaruhi jiwa kaum Arab yang keras dan degil itu hingga mereka sanggup menjadi pendokong Islam dan penyibarnya keserata dunia.

Renungkanlah kepada sejarah! bagaimana tabah dan sabarnya pengikut-pengikut Rasulullah s.a.w. dalam masa tiga belas tahun dipermulaan bangkitnya menjadi Rasul. Segala rupa penganiayaan dan kesiksaan yang mengerikan segala jiwa mereka yang berperikemanusiaan telah pun dilakukan keatas mereka oleh musoh mereka yang menentang mereka. Akan tetapi mereka sanggup menerima dengan hati yang tabah dan sabar. Rahsianya tidak lain daripada peribadi Nabi Muhammad s.a.w. sendiri yang dapat menarik segala hati dan perasaan mereka supaya patuh kepada seruan iman yang baru bernyala dalam dirinya.

Peribadi Junjungan kita yang kuat dan menarik itu jika di kajikan anasir-anasirnya, maka anasir akhlaklah yang mengambil tempat yang penting sekali dalam pembentukannya. Oleh itu kita kaji pula akhlaknya yang menjadi punca bagi segala kejayaan-kejayaan itu, muga-muga dapatlah kita berpandu dengannya mengikut pesanan kitab suci Al-Quran yang berbunyi:-

"لَقَدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أَسْوَةٌ حَسَنَةٌ" •

(الاحزاب : ٢١)

Maksudnya:-

“Sesungguhnya Rasulullah itu menjadi ikutan yang baik bagi kamu.”

(S: 33; A: 21)

Akhlik Rasulullah s.a.w. jika lau hendak dikupaskan satu persatunya adalah terlambat panjang, oleh yang demikian Saidatina Aishah (r.a.) tatkala ditanya dari hal akhlak Rasulullah, beliau (Aishah) menjawab dengan katanya:-

"وَكَانَ أَخْلَاقُهُ الْقُرْآنُ"

Artinya:-

“Budi pekertinya (Rasulullah) ialah kandungan Al-Quran (seluruhnya).”

Dengan jawapan yang pendek tetapi padat dari Saidatina Aishah itu tahu lah kita bagaimana luas dan tingginya akhlak Junjungan kita itu. Kita tidak berasa hairan yang Junjungan kita berakhlik dengan akhlak Al-Quran seluruhnya, kerana dia memang diutus Tuhan untuk menjadi tauladan yang tinggi dalam segala sifat kelebihan dan kemuliaan. Jikalau Rasulullah tidak sanggup menjadi gambaran yang sebenar bagi segala perintah Al-Quran dan larangannya, masakan seruannya boleh memberi kesan yang sebegini hebat dalam jiwa pengikutnya.

Marilah kita ikuti beberapa ayat Al-Qurannul Karim yang menjadi panduan bagi junjungan kita dalam akhlak dan adab sopannya, supaya dapat kita mengukur setinggi mana akhlak dan budi pekerti junjungan kita s.a.w. itu.

Firman Allah:-

خُذِ الْعُفُو وَأْمُرْ بِالْمَعْرُوفِ وَأَعْرِضْ عَنِ الْجَاهِلِينَ .  
الاعراف : ١٩٨ )

Maksudnya:-

“(Hai Muhammad!) beramallah dengan kemaafan dan suruhlah dengan perkara kebaikan dan janganlah pedulikan kepada apa yang dikatakan oleh orang-orang jahil.”

(S: 7; A: 198)

Dan Firman Allah lagi:-

"اَنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعُدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَاً ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَا عَنِ الْفَحْشَى

**والمنكر والبغى" . (النها: ٩٠)**

Maksudnya:-

"Sesungguhnya Allah menyuruh berbuat adil dan berbuat baik, memberi bantuan kepada kaum kerabat dan mencegah daripada melakukan kekejilan, kejahatan dan kezaliman."

(S: 16; A: 90)

Firman Allah lagi:-

" واصبر على ما أصابك أن ذلك من عزم الأمور . ولا تصرخ خذل للناس ولا تمش في الأرض مسرحا . إن الله لا يحب كل مختال فخور . واقتصر في مشيك واغتنم من صوتك . ان انكر الاصوات لصوت الحمير " .  
(لقمان: ١٤ ، ١٨ ، ١٩ ، ٢١)

Maksudnya:-

"Sabarlah apa yang menimpa engkau kerana sabar itu adalah satu perkara yang besar, dan janganlah engkau memalingkan pipi kepada seseorang kerana tidak mahu nemandangnya, dan janganlah kamu berjalan dibumi ini dengan keadaan sombongan kerana Allah tidak suka kepada orang yang sombong lagi bermegah-megah, dan betulkanlah perjalanan engkau, dan pertahankanlah suara engkau kerana seburuk-buruk suara ialah suara keldai."

(S: 31; A: 17; 18 & 19)

Firman Allah lagi:-

" عباد الرحمن الذين يمشون على الأرض هونا وآذ أخطفهم الجاهلون قالوا : سلاماً  
والذين يبيتون لربهم سجداً وقياماً والذين يقولون : ربنا أصرف عنك العذاب في جهنم  
آن عذابها كان غراماً ، إنها ساءت مستقرةً ومقاماً .  
(الفرقان: ٦٣ - ٦٥)

Maksudnya:-

"Hamba Tuhan Yang Maha Pengasih yang sebenar-benarnya ialah mereka yang berjalan diatas bumi dengan keadaan tawaduk. Dan apabila orang kafir bercakap dengan mereka, mereka menjawab dengan kata-kata yang sejahtera (baik). Dan mereka yang menunaikan sembahyang dengan sujud dan berdiri diwaktu malam kerana beribadat kepada

Tuhan mereka. Dan mereka selalu berdoa kepada Tuhan dengan katanya: "Wahai Tuhan kami! jauhkanlah kami dari azab neraka Jahannam, kerana azabnya itu sangat menyiksakan dan neraka itu sejaht-jahat tempat tinggal."

(S: 25; A: 63-65)

"ادفع بالتي هي أحسن فإذا الذي بينك وبينه عداوة كأنّه  
ولي حميم" (حم سجدة/فصلت: ٢٤) .

Firman Allah lagi:-

Maksudnya:-

"Wahai Muhammad! tolakkanlah sesuatu kejahatan yang telah dibuat kepada engkau dengan kebaikan, maka dengan itu orang yang bermusuh dengan engkau akan menjadi sahabat yang rapat."

(S: 41; A: 34)

Dengan keterangan beberapa potongan ayat-ayat Al-Quranul-Karim itu tadi terbuktilah kepada kita betapa tinggi dan mulianya akhlak Junjungan kita, Nabi Muhammad (s.a.w.) yang berpandu dengan setiap patah daripada ayat kitab suci Al-Quran. Begitu juga kalau kita meninjau kepada hadis Junjungan kita (s.a.w.) yang penuh dengan pesanan-pesanan dan ajaran-ajaran akhlak yang tinggi.

Mari kita tinjau pula beberapa peristiwa untuk mengetahui sikap Rasulullah (s.a.w.) dalam menghadapi sesuatu keadaan, dan melihat bagaimana ajaran tadi telah diamal dan menjadi sebahagian daripada peribadi beliau.

(1) Anas r.a., seorang khadam Rasulullah (s.a.w.) pernah berkata: "Dalam masa dua puluh tahun aku berkhidmat kepada Nabi, aku tak pernah mendengar dia mengeluarkan perkataan yang kasar terhadapku. Apa-apa yang aku buat tak pernah ditanya, kerana apakah engkau berbuat? begitu juga sesuatu yang aku tidak membuatnya tidak pernah ditanya, kerana apakah engkau tidak membuatnya?."

(2) Pada suatu hari datang seorang lelaki kepada Rasulullah (s.a.w.), lalu Rasulullah pun berdiri dihadapannya lalu lelaki itu gementar tubuh badannya kerana terlalu hebat, lalu Rasulullah pun terus bersabda kepadanya. "Janganlah engkau takut kerana saya bukannya seorang Raja, saya hanya anak kepada seorang perempuan Quraisy yang memakan daging kering (memakan daging kering dipandang hina oleh orang Arab dimasa itu).

(3) Kata Safuan bin Ummayah: "Rasulullah itu dahulunya seorang yang paling aku marah, tetapi tatkala dia selalu memberi pemberian-pemberian yang banyak

kepadaku hingga dia jadi seorang yang paling aku kasih. Saya beranilah naik saksi bahawa pemberian yang seumpama itu tidak boleh dilakukan oleh seorang yang bukan Nabi."

(4) Pada suatu hari seorang Badwi telah datang kepada Rasulullah (s.a.w) dan Rasulullah memakai kain selindang yang kasar tepinya, maka dengan tidak sememana si Badwi yang kasar itu menarik kain Rasulullah dengan kuat hingga berbekas dilihirnya (Rasulullah) oleh tepi kain yang kasar itu. Badwi itu berkata: "Hai Muhammad! muatkanlah kedua untaku ini dengan harta Allah yang ada didalam tangan engkau, kerana harta itu bukannya hak engkau atau hak bapa engkau."

Rasulullah pun diam sejurus kemudian beliau bersabda: "Harta Baitulmal ini memang hak Allah dan aku adalah hambaNYA, tetapi engkau harus dibalas diatas perbuatan kasarmu terhadapku tadi." Lalu si Badwi itu menjawab: "Tidak!". Rasulullah pun bertanya: "Kerana apakah tidak?" Jawab Si Badwi, "Kerana engkau tidak membala sesuatu kejahanan dengan kejahanan". Dengan jawapan ini, Rasulullah pun ketawa, kemudian Rasulullah memerintah supaya dimuatkan kedua-dua unta si Badwi itu, satunya dengan biji syaer dan satu lagi dengan buah tamar.

(5) Pada suatu hari pula seorang Yahudi dengan cara yang biadab datang minta hutang yang belum sampai tempohnya kepada Rasulullah (s.a.w.), iaitu si Yahudi itu menarik kain yang diatas bahu Rasulullah dan terus dipegangnya seraya berkata: "Engkau hai cucu Abdul Muttalib! seorang yang menangguh-nangguh hutang." Kebetulan pada masa itu Saidina Omar ada bersama, lalu dihalau dan dilarangnya dengan kasar orang Yahudi itu. Dimasa itu Rasulullah (s.a.w.) pun tesenyum sambil berpaling kepada Omar dan bersabda: "kami berdua lebih suka, Hai Omar! jika engkau suruh dia meminta dengan baik dan disuruh aku membayarinya dengan baik." Kemudian Rasulullah menambah kata lagi, "Yang sebenarnya tempoh hutang itu masih ada lagi tiga hari." Dan dia (Rasulullah) meminta Omar membayarinya dengan wangnya serta menambah dua puluh gantang daripada asalnya.

Kerana disebab oleh peristiwa itu, kemudian Yahudi itupun terus memeluk agama Islam kerana katanya, "Tanda-tanda kenabian itu telah terhimpun semuanya pada diri Muhammad."

(6) Pada suatu hari, Rasulullah (s.a.w.) dalam satu perjalannya telah menyuruh sahabat-sahabatnya memilih kambing, lalu kata seorang sahabat: "Biarlah saya yang memilihnya." kemudian tampil seorang sahabat lagi dan berkata: "Biarlah saya yang memasaknya." Maka Rasulullah terus bersabda: "Biarlah saya pula mencari kayu api." Lalu ujar sahabat-sahabat itu, "Tuan tak payahlah bekerja apa-apa lagi kerana cukuplah dengan kami sahaja." Jawab Rasulullah, "Saya memang tahu, bahawa pekerjaan itu telah cukup dengan kamu sahaja, tetapi saya benci hendak berbeza-beza dengan kamu kerana Allah benci melihat hambaNYA berbeza-beza diantara kawan-kawannya."

Dengan peristiwa-peristiwa yang tersebut tadi cukuplah untuk mengembirakan bagaimana tinggi dan mulianya akhlak Rasulullah (s.a.w.) yang diutuskan ke dunia untuk memimpin manusia dan menyempurnakan budi pekerti yang mulia dan tepatlah dengan sebdanya:

Artinya:

"أَنْسَابُكُمْ لَا تَمْهِمْ مَكَارِمُ الْأَخْلَاقِ" .

"Hanya sanya saya diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia." Dan tepatlah dengan pujian Allah dalam kitab suci Al-Quran.

Firman Allah:-

"وَاتَّكِلْ عَلَىٰ خَلْقِي عَظِيمٍ" .

• (القلم : ٤)

Maksudnya:-

"Dan sesungguhnya engkau wahai Muhammad! diatas perangai yang amat agung dan mulia."

(S: 68; A: 4)

Oleh:

(HAJI MOHD. MORTADZA HAJI DAUD)

"وَقُولُوا لِلنَّاسِ حُسْنًا" . (البقرة: ٨٣)

Maksudnya:-

"Berkatalah kepada manusia dengan kata-kata yang baik."

(Al-Baqarah: 83)

### DAYA TAHAN IMAN YANG TIADA TARA BANDINGANNYA

Abu Thalib yang menjadi pelindung dan pembela Muhammad s.a.w. didatangi oleh Quraisy, mengancam dan menentang. Mereka berkata: "Abu Thalib! Tuan ini sudah cukup umur, berkedudukan terhormat. Tuan Kami hormati dan kami segani. Kami telah meminta kepada tuan agar mencegah kemenakan tuan, tetapi tuan tak mencegahnya. Kami tak sabar lagi menahan diri menghadapi tingkah-lakunya mencaci maki tuhan-tuhan kami. Seharusnya tuan melarangnya berbuat demikian. Atau akan kami perangi dia bersama-sama tuan juga, sampai binasa salah satu dari kedua golongan kita."

Seperginya orang-orang quraisy tadi, rupanya Abu Thalib merasa berat juga menentang suku bangsanya secara frontal seperti itu. Kepada kemenakannya, Muhammad s.a.w., ia berkata: "Pemuka-pemuka Quraisy tadi mendatangiku, meminta agar engkau tidak lagi meneruskan dakwahmu itu. Atau

mereka akan menatang perang. Cobalah anakku!, engkau fikirkan hal ini. Dan janganlah aku ini sampai engkaubebani lebih dari kemampuanku."

Muhammad s.a.w. tertegun sejenak merenungkan sikap dan keadaan psikology pamannya (bapak saudaranya) yang sudah tua itu. Roda dakwah seakan-akan terhenti sejenak menantikan sikap apa yang akan dipilih oleh Muhammad s.a.w. Pilihannya akan berakibat: berhentinya perputaran (pusingan) roda dakwah sama sekali, atau akan terus berputar. Sebab orang yang selama ini menjadi pelindung dan pembela dakwahnya sudah berkata: "Janganlah aku dibebani lebih dari kemampuanku."

Dengan mata yang berlinang-linang, Muhammad s.a.w. menjawab: "Oh Bapak saudaraku! Andai kata mereka mampu menggenggamkan matahari ditangan kananku dan bulan ditangan kiriku, agar aku sudi

menghentikan tugas dakwah ini, nescaya tak akan aku tinggalkan hingga ia menang atau aku harus mati mempertahankannya."

Sambil berkata demikian, Muhammad s.a.w. lalu pergi dengan iba hati. Untuk yang kedua kalinya Abu Thalib mengalah kerana air mata anak kemenakannya ini. Pertama ketika ia ingin ikut bersama kenegeri Syam (ketika itu Muhammad s.a.w. berumur 12 tahun), dan ini adalah kali yang kedua.

Abu Thalib memanggil anak ke-

menakannya, seraya berkata: "Teruskanlah, hai anakku! apa yang kau rasakan sebagai tugasmu itu, dan berkatalah sesuka hatimu. Demi Allah aku takkan menyerahkanmu kepada apa-apa yang kau tak suka."

(Dari: Muhammad s.a.w.  
Sebuah upaya untuk memahami sejarah Rasulullah s.a.w.  
Oleh: Dr. Musthafa Mahmud).

Diterjemahkan oleh:  
(USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR)

"وَالذِّينَ جَاهَدُوا فِي سَبِيلِنَا وَانَّ اللَّهَ لِمَنْ يَعْمَلُ الصَّالِحَاتِ مُحْسِنٌ"

(العنكبوت: ٢٩)

at au afat

"Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keredhaan) Kami, benar-benar akan Kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan Kami. Dan sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat baik."

(Al-Ankabut; 29)



---

## RUANGAN MUSLIMAH



*Wanita Muslimah berbincang mengenai berita tentang kaum wanita untuk dimuatkan dalam Risalah.*

## RISALAH WANITA MUSLIMAH

Secebis renungan buat Muslimah tercinta!

Ternyata berbagai pendapat yang timbul di antara ahli fikir dalam mendefinisikan wanita contoh dan sifat-sifatnya, tetapi marilah wahai saudari se Islam! Kita sama-sama meninjau sejenak sifat-sifat wanita contoh menurut sebagaimana yang diterangkan oleh

Rabbul Izzati didalam surah At-Tahrim ayat 5: Firmannya:-

"عَسِيرُكُمْ أَنْ تُلْقِنَّ أَنْ يَبْدَلَهُ  
أَزْوَاجًا خَيْرًا مِنْكُنْ مُسْلِمَاتٍ مُؤْمِنَاتٍ  
قَاتِنَاتٍ تَأْبِيَاتٍ عَابِدَاتٍ سَائِحَاتٍ  
ثَيْبَاتٍ وَأَبْكَارًا" (التحريم: ٥)

KEMULIAAN WANITA ITU TIDAK TERLETAK KEPADA WANITA CANTIK, BERHARTA, BERKETURUNAN BANGSAWAN ATAU MANIR DALAM BIDANG MASAK-MEMASAK, TETAPI KEMULIAAN ITU IALAH KEINDAHAN SUDIPEKERTI.

Maksudnya:

Jika Nabi menceraiakan kamu, boleh jadi Tuhan akan memberi gantinya kepada dengan isteri-isteri yang lebih baik daripada kamu yang patuh, yang beriman, yang taat, yang bertaubat, yang mengerjakan ibadat, yang berpuasa, yang janda dan yang perawan.

(At-Tahrim: 5)

Sebelum saya menerangkan lebih lanjut lagi tentang sifat-sifat tersebut, saya rasa perlu saya membetulkan fahaman yang salah: Memang benar wanita Muslimah di hukumkan taat kepada suaminya, mengurus rumah tangganya, mengasuh anak-anaknya menyediakan makanannya, mengemas dan membersihkan alat-alat rumahnya serta memberikan kerihatan yang sepenuhnya untuk kebahagiaan suami dan anak-anaknya; tetapi ini bukanlah yang dimaksudkan dengan wanita muslimah contoh. Peranan ini boleh dilakukan oleh pembantu-pembantu rumah atau hamba-hamba.

Firman Allah Azza wa jallah:

وَمَا خلقتُ الْجِنَّةَ وَالْأَنْسَ

لِتُعْبِدُونَ

(الذاريات : ٦٥)

Maksudnya:

“Dan aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk menyembah Aku.”

(Adz Dzaariyaat: 56)

Sesungguhnya kemuliaan seseorang wanita itu tidak terletak kepada wanita-wanita yang cantik, berharta, berketurunan bangsawan atau mahir dalam bidang masak-memasak, tetapi kemuliaan itu ialah keindahan budipekerti.

**Muslimat:** yang dimaksudkan dengan perkataan ini ialah menyerah diri kepada Allah dalam semua urusannya.

**Mu'minat:** (**beriman**) Hatinya hendaklah selaras dengan akhlaknya yang dipenuhi keimanan dan tenang menghadapi cubaan hidup yang merintanginya.

**Qanitat:** (**patuh**) Hendaklah menjawai peribadatannya kepada Allah, dan merasa enak dalam ketaatannya kepadaNya, memuji Tuhan Yang Maha Agong kembali kepadaNya, dan meminta ampun kepadaNya dengan merasa penuh tawaduk (merendahkan

diri).

**Ta'ibat: (bertaubat)** Jika ia melakukan kesalahan segera ia ber-taubat kepada TuhanYa tidak menafikan akan kesalahannya itu, bahkan menghindarkan diri daripadanya, malu untuk mengulangi melakukannya lagi dan terus memohon pengampunan kepada Allah s.w.t. Sesuai dengan firman Allah jallah wa azza:

"إِنَّ الَّذِينَ اتَّقُوا إِذْ أَمْسَحُمْ طَائِفَ  
مِنَ الشَّيْطَانِ تَذَكَّرُوا فَإِذَا  
هُمْ مُبْصَرُونَ"  
• (الاعراف : ٢٠١)

Maksudnya:

"Sesungguhnya orang-orang yang bertakwa bila mereka ditimpa was-was dari syaitan, mereka ingat kepada Allah, maka ketika itu juga mereka melihat kesalahan-kesalahannya.

(Al-A'Raaf: 201)

### **A'bidat: (yang beribadat)**

Maksud dari perkataan ini ialah wanita-wanita yang beribadat yang tidak lupakan nasibnya dari pahala-pahala amalan-amalan sunnat dan berzikir, juga tidak melupakan nasibnya dari menghitung dirinya sendiri serta

beristighfar dan memperhambakan dirinya kepada Allah juga berzuhud di dunia dengan meninjau-ninjau perjalanan orang-orang yang salih.

**Sa'ihat: (yang berpuasa)**  
Wanita-wanita yang tidak melupakan nasibnya untuk memperolehi pahala puasa yang mendekatkan dia dengan akhirat dan mengingatkan dia akan penderitaan orang-orang yang kebuluran juga kesusahan fakir miskin. Yang dimaksudkan juga dengan sa'ihat ialah wanita-wanita yang berhijrah ke jalan Allah dan RasulNya dengan meninggalkan kehidupan berpoya-poya di dunia.

Akhir kata saya tujukan pesanan saya ini kepada kaum lelaki, bahawa "Wanita bukan barang untuk mereka buat bersuka-suka, atau alat yang dijadikan bahan untuk hiburan mereka, wanita juga bukan sebagai hamba yang hanya menguruskan keperluan-keperluan kaum lelaki sahaja; tetapi ia juga mempunyai tugas penting di sisi TuhanYa sama seperti tugas para lelaki di dalam menyampaikan risalah TuhanYa kepada masyarakat majmuk.

Petikkan dari:  
*Majallah Al-Mujtama'*.

Alih bahasa oleh:  
USTAZAH ROHANI AWI

**RUANGAN  
MU MUSLIMAH**



*Berpakaian begini bukan saja melambangkan sifat sopan santun, malah menjauhi diri dari diperkosa.*

**BILA LAGI HENDAK  
MEMAKAI  
PAKAIAN YANG MENUTUP  
AURAT?**

Mungkin setengah-setengah atau kebanyakan wanita kita agak keberatan untuk memakai pakaian yang menutup aurat mereka, apabila mereka keluar rumah atau berada di tempat yang boleh dilihat oleh lelaki ajnabi (bukan muhrimnya). Sebabnya, kerana belum biasa. Tetapi, seperti kata peribahasa Melayu: ‘Alah bisa, tegal biasa’. Mungkin kerana malu, atau takut dicemoh dan dicaci orang. Dan ada pula dikalangan wanita itu, apabila ditanya, “Bila lagi hendak merubah sikap (memakai pakaian yang menutup aurat) itu?” Jawabnya nanti: “Belum puas lagi hendak bersuka ria (enjoy) sudah hendak mengongkongkan diri.” Nah disini kita sudah maklumi siapa yang menganggap menutup aurat ini semata-mata hendak mengongkongkan kehendak mereka, bermakna mereka ini belum lagi mempunyai kefahaman yang sebenarnya tentang ajaran-ajaran Islam. Tetapi kalau difahamkan, bukankah di antara sifat-sifat orang yang beriman itu ialah bahawa ia tiada takut caci-maki dan celaan orang yang mencela? Kalau takut dicela kerana menunaikan titah perintah Allah, maka mustahillah kita akan mendapat iman yang sebenar. Mungkin juga ada yang keberatan kerana merasa susah untuk mendukung anak kalau hendak keluar dari rumah, dan ada pula yang merasa lemas apabila menggunakan pakaian itu dalam suasan yang panas. Tetapi, sebaliknya, menggunakan tudung yang menutup aurat itu tidak payah dan tidak lemas seperti yang dibayangkan. Setiap yang dilakukan dengan ajaran Allah, Allah akan memberikan kegembiraan pada mereka, ketenangan dan ketenteraman dalam hidup mereka.

Mungkin ada yang merasa bahawa hukum tentang menutup aurat ini amat berat. Ianya susah untuk diamalkan oleh perempuan-perempuan Melayu kita yang telah biasa mendedahkan aurat dan bergelandangan diluar rumah. Inipun suatu bantahan yang tak munasabah, tetapi, sebenarnya tidak ada hukum Allah Taala yang berat sehingga menyusahkan kita. Kalau ada pun sedikit sebanyak kesusahan yang terasa, maka Allah Taala telah menjanjikan bahawa bersama-sama kesusahan itu terdapat kesenangan. Firman Allah:

فَإِنْ مَعَ الْحُرُّ أَنْ مَعَ الْحَرَّ إِنَّمَا  
الْأَخْرَاجُ بَلْ وَالْأَنْجَارُ  
(الإخراج: ٥-٦)

Maksudnya:-

“Maka sesungguhnya bersama kesukaran ada keringanan (5)  
Dan sesungguhnya bersama kesukaran ada keringanan” (6).

(Surah Al-Inshirah)

Kita perlulah mentaati Allah dengan redha. Kita mesti berupaya dengan redha dan dengan sabar. Bersabar dalam mentaati Allah tidak kurang perlunya dari bersabar dalam menghadapi bala dan malapetaka. Sebenarnya dalam hal ini ternyata

hanya hawa nafsu yang pegang peranan, bukannya diri kita atau roh kita. Hukum-hukum Allah dan peraturan-peraturanNya itu telah diturunkan secocok dengan fitrah kita atau sifat kita yang semula jadi, dan kita tiadalah dibebankan oleh Allah Taala lebih daripada apa yang benar-benar dapat kita tanggung.

Firman Allah:

وَانْ لَيْسَ لِلْإِنْسَانِ إِلَّا مَا سَعَىٰ ...  
• (النَّجَمٌ: ٣٩)

Maksudnya:

"Dan Manusia tidak dapat sesuatu melainkan apa yang diusahakannya." (Al-Najam: 39)

Ada juga di antara golongan wanita itu beranggapan bahawa menutup aurat itu "malampau". Setengahnya pula mengatakan terlalu "ekstrim". Kononnya tidak digalakan oleh Islam, sedangkan Islam mengajar kita bahawa sebaik-baik urusan ialah apa yang sederhana dan jangan pula sampai menyusahkan dan lalu terpesong dari kehendak Islam yang sebenarnya. Yang menjadi pelampau dan eksstrim itu ialah mereka itu sendiri yang mengadakan hukum-hukum untuk memenuhi selera dan kehendak

reverse black!!

ADA ANTARA MEREKA MERASA SEGAN BERGAUL DENGAN SESAMA WANITA YANG BELUM MEMAKAI PAKAIAN MENUTUP AURAT. DISINILAH LETAKNYA KELEMAHAN PADA WANITA SEKARANG INI BOLEH MEMBAWAH PECAH BELAH DALAM MASYARAKAT.

reverse black!!

daripada hawa nafsu mereka sendiri, sebab mereka merasa tersekat, merasa terhalang dengan aturan-aturan Islam yang menyuruh mereka supaya menutup aurat itu.

Ada pula di antara mereka yang merasa segan bergaul dengan sesama wanita yang belum memakai pakaian menutup aurat. Disinilah terletaknya kelemahan yang ada pada wanita sekarang ini yang boleh membawa pecah belah dalam masyarakat wanita Islam. Cara yang sebaik-baiknya ialah hendaklah kita menghilangkan rasa takut, segan atau malu untuk bergaul dengan mereka. Marilah kita dekati mereka dengan segala kebijaksanaan, tunjukkan adab sopan dan tata-cara pergaulan yang lebih baik, sesuai dengan akhlak Islam dan dengan fashion Islam.

Adakah pula wanita-wanita kita hendak menunggu tibanya masa dimana sudah ramai wanita-wanita Islam memakai pakaian seperti menutup aurat itu, baru mereka hendak turut serta (sama) memakainya?

Kalau begitu, alangkah ruginya kita, kerana tidak akan mendapat pahala sebagaimana telah dijanjikan Allah menerusi Hadis Rasulnya sebagai berikut:-

•  
من تمسك بيمني عند فساد امتى فله اجر مائة شهيد .  
(رواه البهجهي) .


Yang bermaksud:

“Barungsiapa berpegang teguh kepada sunnahku, ketika rosak ummatku, maka ia akan mendapat pahala seratus orang mati syahid.”

(Hadis riwayat Al-Baihagi)

Ketika ummat sedang rosak, maka lebih banyak mujahadah yang diperlukan oleh seseorang untuk mengamalkan sunnah Rasul. Tetapi, apabila sudah ramai manusia yang mengamalkan, maka tiada perlu kepada banyak mujahadah, bahkan perbuatan itu sudahpun menjadi adat kebiasaan sahaja, dan mungkin tidak benar-benar ikhlas kerana Allah, tetapi dibuat kerana manusia.

Apabila seseorang perempuan Islam itu telah memakai pakaian menutup aurat itu dengan ikhlas, dengan redha, dan sekurang-kurangnya dengan penuh rasa senang hati, maka insyaallah, ia akan merasa bahawa pakaian itu amat cocok bagi fitrahnya dan ia akan merasa lebih aman berjalan keluar rumah dalam pakaian itu. Tanpa pakaian itu, ia akan merasa gelisah dan tidak tahu dimana ia hendak menyorok mukanya dari pandangan lelaki ajnabi, dan ada kemungkinan setelah menggunakan pakaian tersebut, masih ada lelaki yang jahat yang akan mencuri pandangan dan merabanya, tetapi ketika itu ia dengan sendirinya telah merasa lebih aman dan selamat. Islam menuntutnya pula supaya menundukkan pandangan daripada perkara-perkara yang haram atasnya dan menjaga hatinya daripada lintasan-lintasan jahat.

Semoga Allah mengurniakan kita taufiq, hidayah, kekuatan dan keikhlasan untuk mengamalkan titah-perintahNya. Amin.! 

Bersabda Rasulullah (s.a.w.) yang bermaksud:-

“Perempuan-perempuan yang memakai pakaian, tetapi masih (seperti) bertelanjang, yang memalingkan pandangan lelaki ajnabi, dan yang terpalang pandangannya oleh lelaki ajnabi, kepada mereka seperti unggul unta khurasan, tiada akan masuk syurga dan tiada akan mencium baunya sekali-kali.”

(Riwayat Muslim)

## MIMBAR HADIST

عن أبي مالك الحارث بن عامر الشعري رضي الله عنه قال: قال، سول الله صلى الله عليه وسلم : الطهور شطر الايمان ، والحمد لله تملأ الميزان ، وسبحان الله والحمد لله تملأ اوتلماً ما . بين السموات والارض ، والصلة نور والمدقة برهان والصبر ضياء ، والقرآن حجة لك او عليك كل الناس يغدو فبائع نفسه فمحتقها او موبقها .  
رواه مسلم .

1. Dari Abu Malik Al-Haris bin Ashim Al-Asyari r.a. berkata: Rasulullah s.a.w. bersabda:  
"Bersuci adalah separuh keimanan dan Alhamdulillah itu memenuhi timbangan, Subhanallah dan Alhamdulillah itu dapat memenuhi atau mengisi penuh apa-apa yang diantara langit dan bumi. Shalat adalah cahaya, sedekah adalah sebagai tanda keimanan bagi yang memberikannya. Sabar adalah merupakan cahaya pula, Al-Quran adalah merupakan hujjah untuk kebahagiaanmu, jika lalu mengikuti perintah-perintahnya dan menjauhi larangan-larangannya, dan dapat pula sebagai hujjah atas kemananganmu, jika lalu tidak mengikuti perintah-perintahnya dan

suka melanggar larangan-larangannya. Setiap orang itu berpagi-pagi, maka ada yang menjual dirinya, kepada Allah, berarti ia memerdekaan dirinya sendiri, dari siksa Allah Taala itu, dan ada yang merusakkan dirinya sendiri pula, kerana tidak menginginkan keredhaan Allah Taala."

(Riwayat Muslim)

### Keterangan

Hal-hal yang perlu diperhatikan dalam hadis ini ialah:-

- a) Bersuci yakni menyucikan diri dari hadas dan kotoran.
- b) Memenuhi neraca kerana sangat besar pahalanya, hingga neraca akhirat penuh dengan ucapan (سبحان الله والحمد لله )

- itu saja.
- c) Artinya andaikata pahalanya itu dibentuk menjadi jisim yang tampak, pasti dapat memenuhi langit dan bumi.
  - d) Shalat adalah cahaya, yakni cahaya yang menerangi kita kejalan yang diredhai Allah. Sebab orang yang tidak suka salat pasti hati nuraninya tertutup daripada kebenaran yang sesungguh-sungguhnya.
  - e) Sedekah yang sunnah atau wajib (zakat) itu merupakan kenyataan yang menunjukkan bahawa orang itu benar-benar telah melakukan perintah Allah.
  - f) Al-Quran itu hujjah (keterangan) bagimu yakni membela dirimu kalau engkau suka melakukan isinya. Atau juga keterangan atasmu yakni mencelakakan dirimu iaitu kalau engkau menyalahi apa-apa yang menjadi perintah Allah.
  - g) Kita di dunia ini ibarat orang yang sedang dalam berpergian kelain tempat yang hanya terbatas sekali waktunya. Di tempat itu kita menjual diri, yakni memperjuangkan nasib untuk hari hari depan termasuk hari yang kekal iaitu di akhirat. Tetapi di dalam memperjuangkan itu, ada di antara kita yang memerdekaan diri sendiri yakni melakukan semua amal yang baik dan perintah-perintah Allah, sehingga diri kita merdeka nanti di syurga. Tetapi ada pula yang merusak dirinya sendiri kerana melakukan larangan-larangan Allah hingga rusaklah akhirnya nanti disiksa didalam neraka, amat pedih siksa yang dialaminya.

Oleh: USTAZAH ROHANI AWI.

وعن ابن عمر رضي الله عنهما ان النبي صلى الله عليه وسلم قال: صلاة الليل

مشتني مشتني فإذا خفت الصبح فأوتر بواحدة  
 (متافق عليه) ١٢ - ٧

Maksudnya:-

Dari Ibnu Umar radhiyallahu anhumma bahwasnya Nabi s.a.w. bersabda: "Shalat sunnah di waktu malam itu dua rakaat, maka dikalau engkau takut masuknya shalat Subuh, maka berwitrilah dengan serakaat."

(Muttafaq a'laih)

## **SAJAK**

### **RINTIHAN KEPADА JUNJUNGGAN**

---

Oleh:  
(MORHAN ABAD)

---

*Bertabur berhalâ ditengah kezaliman,  
Dalam teriakan anak hidup ditanam,  
Tiada neraca penimbang rasa  
Tiada pimpinan pengikat kata .....  
Hanya nafsu kekotoran insan  
Menjalar mencengkam digelap malam.*

*Mengalir darah Jahiliah melumur pasir fitnah  
Penuh tulang-belulang manusia menambah tanah  
Ceroboh, jangan peduli siapa .....  
Pancung! jangan bertanya-tanya.  
Habis rasa kasih hilang musnah  
Digantikan tugu-tugu ganas berperang.*

*Yahudi, Masihi berpecah, hilang punca  
tiada cahaya, hanya tunggul-tunggul  
batu berhala.  
Manusia kehilangan tamadun peri bahasa  
dalam gelap, jiwa lemah hidup meraba.*

*Itulah ketika, dikau kekasihku, tiba  
membawa Quran hadiah kepada insan.  
Dari piala iman, mencurah pertunjuk  
ketekak dahaga,  
Memulih jiwa, bangun  
berontak menggegar barhala .....  
Kembalilah manusia bernilai diri mulia,  
Hanya hamba kepada Tuhan, Allah Maha Penyayang.*

*Syariat dikau penuh hikmat, rahmat sejagat.  
Manusia rata tiada beza antara:  
Warna, rupa, puak, bangsa, negeri, negara  
semuanya hamba. Kepada Tuhan menyembahkan bakti;  
Hidup sama, aman damai berikat  
dengan iman, Islam rasa mesra saudara.*

*Terpancar semula mawar penawar hayat.  
Menukar rupa, hidup bahagia,  
Dengan budi, dengan bakti, dengan fadilat.  
Bersendi ilmu, kuat semangat, amal sempurna.*

*Timur Barat benderang ria menerima cahaya.  
Kembang maju hidup bertauhid, bersatu padu.  
Penuh jiwa dengan iman perwira.  
Engkau cergas bertenaga waja .....  
Semua yakin pada dikau, pembela hidup manusia  
semua mara kemedan berjuang menambah mutu.*

*Padamlah api dihadapan berhala dewata.  
Tersungkur musnah tahta Dewa Mahraja.  
Berganti mehrab~pancaran ajaran benar .....  
dari Quran, dari Hadis punca sinar  
keserta dunia membawa rahmat hidayat  
Dengan takwa asas hidup bertuhankan Allah semata.*

*Berkurun lama demikian rupa,  
Umatmu maju gagah perkasa,*

*Berkurun lama pengajaranmu rata,  
Membimbing hidup alam manusia.*

*Tetapi ... kini dimana perginya semua?  
Dimana kemajuan ketinggian bermula.  
Hilang ditelan kekacuan, perpecahan sangketa  
Hapus semangat waja seteria .....  
Hanya tinggal tunggul-tunggul Islam pusaka.  
Menghiasi kulit, sedang isi kuntang belaka.*

*Ini umatmu, bercukup dengan rumah ibadat.  
Dengan riuh bacaan, dengan teriak suara semata.  
Lupa pada amal, pada kerja mencipta .....  
Inilah umatmu, hina terburai kesatuan pengikat.*

*Aduh! Aku merintih padamu Junjungan .....  
Bila Quran kembali digunakan dihayat kami?  
Bila pertunjukMu menjadi bintang pelayaran  
Disegara hidup penuh pancaroba pesuna?  
Agar jaya membawa semula kemuliaan,  
dengan usaha tenaga baru bekerja.*

*Bila Quran menjadi pemandu hidup semua?  
Tidak hanyut dibawa nafsu keharus sesat.  
Bila hukum Islam berlaku seperti dulu?  
Membawa keadilan hak manusia didunia .....  
Menambah mutu hidup umat bertambah kuat.  
Tak tertipu dengan godaan pengaruh melulu.*

*Ini kami berjanji padamu, Junjungan!  
Azam putus akan bekerja segera dilipat ganda.  
Dalam hidup dan mati, dalam suka dan duka,  
untuk menurut jejakmu semua.  
Semoga rintihan terhadapmu di berkati  
Tuhan Azza Wajalla.*

## **MUTIARA HIKMAT**

### **Nilai hidup manusia**

Ketika Abu Darda', seorang pemimpin pasukan Muslimin dan seorang yang zuhud, memasuki negeri Syam, dia mengimbau rakyat dinegeri itu, dengan sebuah ucapan yang penuh rasa kesedaran, katanya:

"Wahai Penduduk negeri Syam! Dengarkanlah nasihat seorang saudaramu, yang dengan ikhlas berkata.

Aku melihat kamu membanting tulang tak kenal lelah, membangun apa yang tidak kami idami. Kamu kumpulkan harta yang tidak kamu nikmati. Kamu ucapkan kata-kata yang kamu tidak dapat membuktikannya. Ketahuilah olehmu tentang orang-orang yang sebelum kamu, mereka yang bangunannya kokoh dan indah. Mereka kumpulkan harta yang melimpah. Tetapi segera ternyata, tipu daya dan

cita-cita mereka hanyalah khayal belaka.

Harta mereka merugi untuk diratapi. Bangunan-bangunan mereka tidak lebih hanyalah kuburan. Kerana nilainya hanyalah benda semata. Tidak nilai manusiawi yang mulia disisi Allah Azza Wajalla. Maka tegakkanlah setiap bangunan kerana Allah yang Maha Mulia, dan berilah nilai kepadanya dengan nilai yang tinggi dan berharga disisi Allah Maha Pencipta. Supaya anak cucumu menjadi tenteram dan bahagia semuanya, dan kamu mendapat pahala dikemudian hari. Nilai di dunia dan pahala di akhirat."

(ABU ASYFIRI)

## **RUANGAN TAHUKAH ANDA**

### **ANDA SEBAGAI AHLI**

Tahukah anda, diantara hak-hak kepunyaan anda yang besar dan mahal ialah Bangunan BINA yang baru.

Anda perlu ingat bahawa bangunan itu adalah milik anda sebagai ahli. Anda seorang Islam yang mempunyai hak untuk bersama-sama mengatur, menyusun, merancang dan mengawal pelaksanaan BINA.

Anda berdiam diri berarti anda seorang pengecut. Kalau anda bukan seorang pengecut, mesyuarat agung pada 13 Sept., 1986 ini boleh dijadikan penentuan untuk anda mencadang, merubah, menyusun dan mengawal pelaksanaan BINA dan aktivitinya.

Anda perlu tahu, "BINA bukan milik perseorangan atau sesbuah syarikat (kompani), tetapi BINA adalah hak anda sebagai ahli.

Anda harus bersuara, anda perlu mengarah, merancang dan mengawal bersama program BINA. Kejayaan anda adalah kejayaan BINA dan kejayaan BINA adalah kejayaan anda dan kejayaan Ummah seluruhnya.

(IDRIS BIN BOHARI)

**ANDA PERLU TAHU!**

## **ORANG-ORANG KRISTIAN DAN YAHUDI MEMANFAATKAN KEKAYAAN ORANG-ORANG ISLAM UNTUK MENENTANG ISLAM?**

Dalam Bank-bank di Eropah dan Amerika sebagaimana yang dinyatakan oleh data-data Ekonomi Antarabangsa terdapat berpuluhan-puluhan bilyun berupa simpanan-simpanan bank yang dimiliki oleh beberapa hartawan Arab dan Islam. Dan sebagai contoh seorang hartawan Arab Muslim telah memiliki lebih dari 4 ribu milyun dollar dalam bank-bank Amerika Syarikat.

Kekayaan yang berlimpah ruah yang tersimpan di bank-bank itu, oleh beberapa pemiliknya tidak diambil "faedah"nya yang nisbatnya setiap tahun mencapai dalam pertengahannya 10%, disebabkan mereka berpendapat bahawa faedah ini tidak lain adalah riba yang sudah nyata. Oleh itu mereka lebih mengutamakan tidak mengambil sebarang faedah dari kekayaan mereka yang banyak itu, apa yang terpenting adalah pihak bank boleh memelihara harta kekayaan mereka sahaja.

Dan diantara yang menguatkan adalah faedah-faedah yang mereka biarkan untuk tidak mengambilnya itu adalah riba yang nyata dan membiarkannya begitu sahaja. tetapi pertanyaan yang sangat penting adalah .... kemanakah perginya atau menghilangnya faedah dari harta kekayaan itu, kerana peraturan bank memberikan faedah yang riba itu dan disediakan untuk dibayarkannya samada diambil atau ditambahkan (dimasukkan kembali) kedalam simpanannya lagi atau dibelanjakan bagi sebarang apa yang dipilihnya?

Pertanyaan ini dimajukan kepada kami oleh beberapa orang yang menaruh perhatian terhadap perkara-perkara ekonomi. Maka jawabnya ialah bahawa beratus-ratus milyun bahkan beribu-ribu milyun dollar yang terkumpul setiap tahun yang berupa faedah-faedah yang tidak diambil oleh pemiliknya atau tuan punya faedah itu (kaum muslimin) pergi kepada Pertubuhan-pertubuhan (kebajikan) Kristian dan Yahudi? Dan dengan makna lain bahawa hartawan-hartawan Islam (kaum Muslimin) telah memberikan

menerusi sesuatu yang tiada nampak atau tidak disengaja dalam masa yang sama suatu bantuan besar bagi mereka-mereka (penentang Islam) yang bergerak dan merencanakan siang dan malam untuk mengalahkan Islam dan kaum Muslimin.!!

Dan kita ingin bertanya sekali lagi, apakah itu bermakna agar orang-orang kaya Islam atau para hartawan muslim mengambil faedah riba itu, sehingga ia tidak lari ketangan-tangan musuh-musuh Islam dan tidak membantu mereka bagi tujuan busuk menentang kemanusiaan secara keseluruhan?

Bagaimana memadukan antara hukum Syari'i yang mengharamkan riba dan mamakannya dalam nash Al-Quranul Karim dengan kekayaan-kekayaan ini?

Beberapa Ulama telah mengadakan pembahasan dalam perkara Fiqh yang rumit ini, dan mereka telah mengeluarkan suatu keputusan fatwa syar'iyyah yang berkenaan dengan itu, bahawa apabila tidak ada pilihan lain daripada menyimpan harta atau wang itu di bank-bank dan mengambil faedah riba daripadanya, maka yang lebih baik bagi Islam dan Umah Islam ialah memungut faedah itu dan membelanjakannya bagi Amalan Kebajikan Islam dan kaum Muslimin yang sedang ditimpah kebuluran dan kefakiran dan kekeringan serta gangguan lain dikebanyakkan kawasan dunia ini.

Tetapi akan timbul lagi pertanyaan kita yang terakhir dan yang lebih penting lagi ini iaitu sejauh mana keputusan atau fatwa syar'iyyah ini sudah dilaksanakan, atau hartawan-hartawan Islam masih "tidak mau" mengambil faedah-faedah atas kekayaan milik mereka, untuk dituangkan (diserahkan) keatas suatu pertubuhan berupa ratusan milyun dollar dalam peti-peti wang milik musuh-musuh Islam?

Majalah Rabithah Alam Islami,  
No. 252 dan 253, Rejab Sya'ban 1406H,

Oleh: Ketua Pengarang

(Muhammad Ahmad Al-Hassani)


Diterjemahkan oleh:

(USTAZ HAJI BAHARUDDIN MANSUR)

"Allah akan melaknat pemakan riba, yang memberi makan, dua orang saksinya dan jurutulisnya."

(Riwayat Ahmad, Abu Daud, Termizi, Nasai dan Ibnu Majah)

## RUANGAN KESEHATAN



### PENYAKIT TIBI (Batuk Kering)

Penyakit Batu Kering telah melanda umat manusia sejak ribuan tahun yang lampau. Ianya merupakan salah satu penyakit yang sangat merbahaya. Sebelum ada rawatan yang terdapat pada masa kini, kadar kematian akibat penyakit batuk kering sangatlah tinggi sekali.

Itulah sebabnya apabila seseorang telah dijangkiti penyakit ini, orang lain yang pernah berdamping dengannya menjadi ngeri dan ketakutan. Penyakit ini diberi nama batuk kering bukan kerana pengidapnya cepat menjadi kurus kering tak bermaya, tenat dan maut!

Istilah Tibi adalah istilah yang baru kerana penyakit ini telah diketahui disebabkan oleh kuman yang berbentuk semacam batang rokok dipanggil "Tubercle Bacilli" (atau T.B.). Nama kuman ini sebenar ialah "Myco-

bacterium tuberculosis". Walaupun kuman ini biasanya melibat dan merosak peparu (paru-paru) si pesakit, ianya boleh juga merosak mana-mana anggota tubuh badan si pesakit itu. Ia boleh juga melibatkan buah pinggang, tulang, otak dan selaputnya, usus, hati, kulit dan sebagainya. Oleh yang demikian gelaran batuk kering tidaklah tepat. Seseorang yang mengidap Tibi bukan semestinya Tibi peparu, mungkin ianya Tibi buah pinggang, ataupun Tibi tulang dan sebagainya.

Pada masa ini sudah ada rawatan yang berkesan terhadap penyakit ini. Ianya tidaklah menjadi penyakit yang sangat merbahaya lagi dan kadar kematian jauh berkurangan. Walau-bagaimanapun penyakit ini masih lagi menjadi salah satu penyakit yang kerap kedapatan di kalangan masyarakat. Ianya terdapat di kalangan semua

bangsa di dunia ini dan di kalangan semua lingkungan umur baik lelaki maupun perempuan.

Pada hari ini dianggarkan lebih kurang tujuh (7) juta orang mengidap penyakit ini di seluruh dunia. Di Sarawak saja dianggarkan tiap-tiap empat orang dalam seribu mengidap penyakit ini. Jabatan Perubatan Sarawak mengesan kira-kira 1100 pesakit tiap-tiap tahun dan meramal kira-kira 1600 pesakit kesemua jenis penyakit Tibi.

## **TANDA-TANDA PENYAKIT T.B.**

Tanda-tanda penyakit ini termasuk demam yang berlarutan (iaitu lebih daripada dua minggu) berpeluh terutama pada waktu senja, kurang selera, berat badan semakin menurun hingga menjadi kurus. Semua ini disertakan dengan batuk berkahak, kadang kala berdarah, sakit dada dan sesak pernafasan. Seseorang itu menjadi lemah dan tidak berdaya membuat kerja-kerja biasa. Tanda-tanda lain yang mungkin kedapatan adalah mengikut bahagian mana jangkitan berlaku misalnya T.B. buah pinggang boleh menyebabkan kencing berdarah dan sebagaimana. Perlu diingatkan bahawa T.B. pada organ-organ lain dalam tubuh badan berlaku melalui saluran darah akibat jangkitan di peparu terlebih dahulu. Ini bermakna seseorang yang kena Tibi dimana-mana anggota badannya terlebih dahulu di-

jangkiti kuman Tibi pada peparunya. Selepas ini kuman itu "berpindah" keanggota lain untuk jadi sasarannya.

**TANDA-TANDA PENYAKITINI  
TERMASUK DEMAM YANG  
BERLARUTAN (IAITU LEBIH  
DARIPADA DUA MINGGU)  
BERPELUH TERUTAMA PADA  
WAKTU SENJA.**

## **JANGKITAN B**

Kuman Tibi sangat gemar pada peparu manusia. Ia hidup dengan banyaknya dalam tisu tersebut dan dalam kahak. Orang lain dijangkiti kuman ini apabila dia menyebut udara yang mengandungi serpihan kahak dari sipesakit.

Seseorang boleh juga terkena Tibi setelah memakan atau minum bahan yang terkena kuman ini.


## **MENGESAN PENYAKIT TIBI**

Kebanyakan Tibi yang melibatkan peparu agak mudah untuk dikesan. Biasanya si pesakit datang dengan sendirinya di pusat kesihatan untuk mendapat rawatan kerana batuk berkahak selama lebih dua minggu, kadang kala berdarah, disertakan pula dengan kesusutan tubuh badan.

Biasanya bermacam-macam ubat

batuk telah dimakan tanpa berkesan. Kahaknya, terutama yang diperolehi awal pagi diperiksa melalui mikroskop dan apabila kedapatan kuman Tibi penyakit ini dikatakan sah berlaku dan rawatan bolehlah dimulakan dengan segera.

Penyakit ini boleh juga di kesan melalui X-ray dada. X-ray ini menunjukkan proses Tibi sebagai bayangan luarbiasa dalam gambar dada itu. X-ray dada selalunya di buat terhadap



orang-orang yang menjalani pemeriksaan perubatan sebelum bekerja atau menuntut diseberang laut dan terhadap orang ramai di kawasan-kawasan yang selalu kedapatan penyakit Tibi untuk mengesannya.

Satu lagi pemeriksaan yang boleh membantu mengesan Tibi selain daripada pemeriksaan kahak dan X-ray ialah "Tuberculin test"


Ubat-ubat yang berkesan sudah ada pada masa kini untuk menyebabkan si pesakit menjadi sembah dan sihat, seterusnya tidak pula menjadi punca kuman Tibi dan menjangkiti orang lain. Rawatan Tibi yang sempurna dan cukup berlangsung selama empat belas (14) bulan. Doktor biasanya memasuki seseorang pesakit baru ke hospital selama dua bulan supaya dia dapat dirawat dengan teliti beserta rehat yang cukup dan mendapat makanan berzat untuk memulih keadaannya yang lemah dan kurus kering itu.

Di hospital si pesakit juga diajar cara-cara yang betul untuk batuk dan membuang kahaknya supaya tidak menjangkiti orang lain. Pesakit juga diajar tentang pentingnya memakan ubat dengan cukup dan sempurna selama 14 bulan dan diberitahu tentang kesan-kesan sampingan daripada ubat-ubat yang dimakan dan cara-cara untuk mengurangnya. Selepas dua bulan rawatan telitis si pesakit bolehlah menyambung rawatannya di rumah. Dia dikehendaki datang untuk pemeriksaan dan mendapat bekalan ubat dua bulan sekali.

Sambil si pesakit diberi rawatan, keluarga dan jirannya juga diperiksa kalau-kalau mereka ini telah juga dijangkiti kuman Tibi. Sesiapa yang kedapatan juga dijangkiti Tibi akan diberi rawatan dan perhatian yang serupa.

Semua pesakit Tibi hendaklah memberi kerjasama kepada pihak perubatan semasa menjalani rawatan.

## RAWATAN



Rawatan yang cukup dan sempurna mengelakkan penyakit ini menjadi merebak di kalangan masyarakat. Bantulah pihak perubatan untuk membantu diri sendiri, keluarga, sahabat handai dan seluruh anggota masyarakat.

## PELALIAN BCG

Pelalian ini sangatlah penting dalam usaha untuk mengelakkan penyakit ini daripada merebak. Pelalian

ini diberi dengan percuma di hospital-hospital kerajaan dan Pusat-pusat kesihatan kepada bayi-bayi yang berumur 24 jam dan kanak-kanak yang akan masuk sekolah iaitu dalam lingkungan umur 5 atau 6 tahun. Pelalian ini dapat meninggi ketahanan badan terhadap penyakit Tibi dan mengelaknya daripada penyakit ini.

Dari:

DR. WAN ALI MADHI

Dari Aisyah r.a.: bahwasanya Nabi s.a.w sewaktu menijau setengah dari keluarganya yang sakit. Beliau mengusap dengan tangannya yang kanan dan mengucapkan "Ya Allah, Tuhan seluruh manusia, hilangkanlah penyakit ini, sembahkanlah Engkau saja yang dapat menyembuhkan. Tiada kesembuhan kecuali kesembuhan darimu, kesembuhan yang tidak lagi meninggalkan penyakit."

(Muttafaq a'laih)



قُلْ إِنَّ هُدَى اللَّهِ هُوَ الْهَدَىٰ  
• (البقرة: ١٢٠)

Katakanlah: "Sesungguhnya pertunjuk Allah itulah pertunjuk yang sebenarnya." (Al-Baqarah 120)



#### TERHAD UNTUK PARA AHLI SAHAJA

Ibu Pejabat:  
Jalan Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Yakub,  
Petra Jaya,  
93050 Kuching,  
Sarawak, Malaysia.  
Telifon: 082-443993, 082-443994 ext. 11 atau 31

